

Peranan Kepuasan Keperluan Psikologi Sebagai Perantara dalam Hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia

(The Mediating Role of Psychological Need Satisfaction in The Relationship Between Sense of Belonging and Psychological Well-Being Among Educators of Persons with Disabilities (PWDs) in Malaysia)

Mohamad Aswad Bin Samdan^{1*}, Zulnaidi Bin Yaacob², Norizan binti Baba Rahim³

¹Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia

Email: aswadhaikal21@gmail.com

²Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia

Email: zulnaidi@usm.my

³Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia

Email: norizanbaba@usm.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohamad Aswad Bin Samdan
(aswadhaikal21@gmail.com)

KATA KUNCI:

Rasa Kepunyaan
Kepuasan Keperluan Psikologi
Asas
Kesejahteraan Psikologi
Tenaga Pengajar OKU
Pendidikan Khas

KEYWORDS:

Sense of Belonging
Basic Psychological Need
Satisfaction
Psychological Well-Being
Educators with Disabilities
Special Education

CITATION:

Mohamad Aswad, S., Zulnaidi, Y., & Norizan, B. R. (2026). Peranan Kepuasan Keperluan Psikologi Sebagai Perantara dalam Hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004184.

Kesejahteraan psikologi tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan aspek penting dalam menyokong keberkesanan dan kelangsungan pelaksanaan pendidikan khas. Namun demikian, hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi, khususnya melalui pemenuhan keperluan psikologi asas, masih kurang diteliti dalam konteks tenaga pengajar OKU di Malaysia. Berasaskan Teori Penentuan Kendiri dan Teori Kepunyaan, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi serta menguji peranan kepuasan keperluan psikologi asas yang merangkumi autonomi, kecekapan dan perkaitan sebagai pemboleh ubah perantara. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan rentas-seksyen yang melibatkan 238 orang tenaga pengajar OKU yang berkhidmat dalam institusi pendidikan khas di Malaysia. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik dan dianalisis melalui analisis regresi serta analisis perantaraan menggunakan PROCESS Macro dengan 5,000 sampel bootstrap dan selang keyakinan 95 peratus. Dapatan menunjukkan bahawa rasa kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan autonomi, kecekapan, perkaitan dan kesejahteraan psikologi. Ketiga-tiga dimensi kepuasan keperluan psikologi asas turut menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan kesejahteraan psikologi. Analisis kesan tidak langsung menunjukkan bahawa autonomi, kecekapan dan perkaitan masing-masing memainkan peranan sebagai

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4184>

pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepuasan keperluan psikologi asas merupakan mekanisme penting yang menjelaskan sebahagian hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU. Dari sudut implikasi, usaha memperkukuh kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU perlu memberi penekanan kepada pewujudan persekitaran kerja yang inklusif, menyokong autonomi, memperkukuh kecekapan serta menggalakkan hubungan sosial yang positif.

ABSTRACT

Psychological well-being among teachers with disabilities is an important aspect of supporting the effectiveness and sustainability of special education. However, the relationship between sense of belonging and psychological well-being, particularly through the fulfilment of basic psychological needs, remains underexamined among teachers with disabilities in Malaysia. Grounded in Self-Determination Theory and the Theory of Belonging, this study examines the relationship between sense of belonging and psychological well-being and investigates the mediating role of basic psychological need satisfaction, comprising autonomy, competence and relatedness. A quantitative approach employing a cross-sectional survey design was adopted, involving 238 teachers with disabilities serving in special education institutions in Malaysia. Data were collected through questionnaires and analysed using regression and mediation analyses with the PROCESS Macro, based on 5,000 bootstrap samples and 95% confidence intervals. The findings indicate that sense of belonging was positively and significantly associated with autonomy, competence, relatedness and psychological well-being. The three dimensions of basic psychological need satisfaction were also positively and significantly associated with psychological well-being. The indirect effect analyses further demonstrated that autonomy, competence and relatedness each partially mediated the relationship between sense of belonging and psychological well-being. These findings indicate that basic psychological need satisfaction constitutes an important mechanism through which sense of belonging is associated with psychological well-being among teachers with disabilities. From a practical perspective, efforts to enhance the psychological well-being of teachers with disabilities should emphasise the development of an inclusive work environment that supports autonomy, strengthens competence and facilitates positive social relationships.

1. Pengenalan

Kesejahteraan psikologi merupakan aspek penting dalam memastikan individu dapat berfungsi secara positif dalam persekitaran pekerjaan, khususnya dalam profesion yang

melibatkan tuntutan emosi, sosial dan kognitif yang tinggi (Haslam et al., 2021; Mokhtar, 2018). Kesejahteraan psikologi merujuk kepada keadaan fungsi psikologi positif yang merangkumi penerimaan sendiri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan persekitaran, tujuan hidup dan perkembangan sendiri (Ryff & Keyes, 1995). Dalam konteks pekerjaan, kesejahteraan psikologi penting kerana berkaitan dengan keupayaan individu mengekalkan motivasi, membina hubungan sosial yang positif serta berfungsi secara berkesan dalam persekitaran organisasi (Haslam et al., 2021). Sebaliknya, tekanan pekerjaan yang berterusan boleh memberikan implikasi negatif terhadap keadaan psikologi tenaga pengajar, khususnya dalam bidang pendidikan khas yang mempunyai tuntutan kerja yang kompleks (Mokhtar, 2018; Yao & Tahar, 2023).

Dalam konteks pendidikan khas, tenaga pengajar berhadapan dengan pelbagai tuntutan pekerjaan seperti pengurusan tingkah laku murid, keperluan menyesuaikan kaedah pengajaran, tekanan pentadbiran, beban kerja serta kekangan sumber (Mokhtar, 2018; Amran et al., 2019; Alwi & Ibrahim, 2022; Yao & Tahar, 2023). Tenaga pengajar pendidikan khas juga memerlukan kemahiran pedagogi, komunikasi, pengurusan tingkah laku serta keupayaan menyesuaikan kaedah pengajaran dengan kepelbagaian keperluan murid (Anne & Rashid, 2024; Chow et al., 2025). Pada masa yang sama, tuntutan pekerjaan yang tinggi, tekanan pentadbiran, kekurangan sokongan dan kekangan sumber boleh menjejaskan pengalaman psikologi tenaga pengajar (Nor & Rashed, 2018; Amran et al., 2019; Taat, 2019). Cabaran tersebut berpotensi mempengaruhi keadaan psikologi tenaga pengajar, termasuk aspek kesejahteraan, keletihan emosi dan tekanan pekerjaan (Mokhtar, 2018; Amran et al., 2019; Yao & Tahar, 2023).

Bagi tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU), pengalaman pekerjaan juga boleh dipengaruhi oleh stigma, diskriminasi dan kekurangan sokongan psikososial dalam persekitaran kerja (Mohammed et al., 2021; Aslali et al., 2023; Ahmad et al., 2024). Dalam konteks Malaysia, penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan telah mendapat perhatian melalui pelbagai dasar dan peruntukan perundangan (Tahir et al., 2020; Khalil et al., 2022). Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf hak OKU dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk pendidikan, pekerjaan dan penyertaan sosial (Tahir et al., 2020; Khalil et al., 2022). Usaha memperkukuh penyertaan OKU dalam sektor awam turut dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 yang memperkenalkan dasar satu peratus peluang pekerjaan bagi golongan OKU (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2008). Dalam hal ini, tenaga pengajar OKU merupakan salah satu kumpulan pekerja yang penting dalam konteks pendidikan khas kerana penglibatan mereka bukan sahaja mencerminkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan, malah turut menyumbang kepada pelaksanaan pendidikan dan pembangunan murid berkeperluan khas (Dzulkifli & Suhid, 2018).

Salah satu faktor yang berpotensi berkaitan dengan kesejahteraan psikologi ialah rasa kepunyaan (Allen et al., 2021). Rasa kepunyaan merujuk kepada pengalaman individu yang merasakan dirinya diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada sesuatu kumpulan atau persekitaran sosial (Baumeister & Leary, 1995; Allen et al., 2021). Keperluan untuk mempunyai hubungan interpersonal yang positif dan bermakna merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan individu (Baumeister & Leary, 1995). Dalam konteks pekerjaan, pengalaman diterima dan dihargai oleh rakan sekerja serta organisasi dapat membentuk perasaan keterikatan terhadap persekitaran kerja dan seterusnya menyokong pengalaman psikologi yang lebih positif (Cho & Jeon, 2019; Skaalvik & Skaalvik, 2023). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa rasa kepunyaan

mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi serta pengalaman kerja yang lebih positif (Allen et al., 2021; Cho & Jeon, 2019; Skaalvik & Skaalvik, 2023).

Selain rasa kepunyaan, Kepuasan Keperluan Psikologi merupakan aspek penting dalam menjelaskan fungsi psikologi dan kesejahteraan individu. Berdasarkan Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*), individu mempunyai tiga keperluan psikologi asas, iaitu autonomi, kecekapan dan perkaitan (Deci & Ryan, 2000). Autonomi merujuk kepada pengalaman individu mempunyai pilihan dan kawalan terhadap tindakan sendiri, kecekapan merujuk kepada pengalaman berupaya dan berkesan dalam melaksanakan tugas, manakala perkaitan merujuk kepada pengalaman mempunyai hubungan yang bermakna serta rasa terhubung dengan individu lain (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015). Pemenuhan keperluan tersebut penting untuk menyokong fungsi psikologi dan perkembangan individu yang optimum (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015; Vansteenkiste et al., 2020).

Dalam persekitaran pekerjaan, pengalaman sosial yang positif berpotensi menyediakan keadaan yang menyokong pemenuhan keperluan psikologi asas (Deci & Ryan, 2000; Dose et al., 2019). Perasaan diterima dan menjadi sebahagian daripada sesuatu kumpulan, misalnya, berkait dengan pengalaman perkaitan, manakala sokongan dan kepercayaan dalam persekitaran kerja dapat menyokong pengalaman autonomi dan kecekapan (Deci & Ryan, 2000). Apabila keperluan psikologi asas dipenuhi, individu berpotensi mengalami fungsi psikologi yang lebih positif dan kesejahteraan yang lebih baik (Chen et al., 2015; Martela et al., 2023). Oleh itu, Kepuasan Keperluan Psikologi yang merangkumi autonomi, kecekapan dan perkaitan berpotensi menjelaskan bagaimana pengalaman sosial individu berkait dengan kesejahteraan psikologi (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015; Martela et al., 2023).

Walaupun pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan bagi memperkukuh penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan, pelaksanaan agenda pekerjaan OKU masih berhadapan dengan cabaran seperti stigma sosial, persepsi negatif terhadap keupayaan dan kompetensi OKU serta kekangan dalam pelaksanaan dasar (Mohammed et al., 2021; Khalid & Maidin, 2022; Tahir et al., 2023). Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan perlu disertai dengan perhatian terhadap pengalaman psikologi dan sosial mereka dalam persekitaran kerja (Mohammed et al., 2021; Khalid & Maidin, 2022; Tahir et al., 2023). Dalam konteks tenaga pengajar OKU, pengalaman diterima dan dihargai dalam persekitaran pekerjaan wajar diberi perhatian kerana rasa kepunyaan telah dikaitkan dengan pengalaman psikologi dan pekerjaan yang lebih positif dalam kajian terdahulu (Allen et al., 2021; Cho & Jeon, 2019; Skaalvik & Skaalvik, 2023).

Namun demikian, hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi tidak semestinya berlaku secara langsung, sebaliknya berpotensi dijelaskan melalui mekanisme psikologi tertentu (Deci & Ryan, 2000; Allen et al., 2021). Dalam kerangka Teori Penentuan Kendiri, pemenuhan keperluan psikologi asas yang merangkumi autonomi, kecekapan dan perkaitan merupakan salah satu mekanisme yang dapat menjelaskan bagaimana pengalaman sosial individu berkait dengan kesejahteraan psikologi (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015; Martela et al., 2023). Justeru, Kepuasan Keperluan Psikologi berpotensi bertindak sebagai mekanisme yang menjelaskan hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi.

Walaupun kajian terdahulu telah menunjukkan kepentingan rasa kepunyaan dan Kepuasan Keperluan Psikologi terhadap kesejahteraan individu, beberapa jurang penyelidikan masih wujud. Sebahagian besar kajian berkaitan konstruk tersebut melibatkan populasi seperti pekerja, pelajar universiti, ahli akademik dan guru serta dijalankan dalam konteks yang berbeza daripada populasi tenaga pengajar OKU di Malaysia (Datu & Valdez, 2019; Ibrahim et al., 2019; Ramalu & Subramaniam, 2019; Benlahcene et al., 2021; Kaur, 2023; Skaalvik & Skaalvik, 2023). Walaupun kajian terdahulu memberikan bukti mengenai kepentingan pengalaman sosial dan pemenuhan keperluan psikologi terhadap kesejahteraan (Arslan et al., 2022; Datu & Valdez, 2019; Holzer et al., 2021; Kaur, 2023; Skaalvik & Skaalvik, 2023), dapatan tersebut masih belum dapat menjelaskan sepenuhnya pengalaman psikologi tenaga pengajar OKU yang mempunyai ciri pekerjaan dan pengalaman sosial yang tersendiri.

Dalam konteks Malaysia, kajian yang dikenal pasti berkaitan konstruk-konstruk tersebut melibatkan populasi seperti pekerja sektor pembuatan, ahli akademik ekspatriat dan pelajar universiti (Ibrahim et al., 2019; Ramalu & Subramaniam, 2019; Benlahcene et al., 2021). Namun demikian, kajian yang menguji hubungan antara rasa kepunyaan, Kepuasan Keperluan Psikologi dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar OKU di Malaysia masih terhad. Lebih khusus lagi, bukti empirikal mengenai peranan autonomi, kecekapan dan perkaitan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi, khususnya melibatkan tenaga pengajar OKU di Malaysia, masih terhad.

Keterbatasan tersebut menunjukkan keperluan untuk meneliti hubungan antara rasa kepunyaan, Kepuasan Keperluan Psikologi dan kesejahteraan psikologi dalam konteks tenaga pengajar OKU di Malaysia. Penelitian ini penting bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang hubungan antara pengalaman sosial, pemenuhan keperluan psikologi dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar OKU. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi serta peranan Kepuasan Keperluan Psikologi sebagai pemboleh ubah perantara dalam kalangan tenaga pengajar OKU di Malaysia.

Berdasarkan jurang kajian yang telah dikenal pasti, kajian ini mengintegrasikan Teori Kepunyaan (Baumeister & Leary, 1995) dan Teori Penentuan Kendiri (Deci & Ryan, 2000) untuk mengenalpasti hubungan antara Rasa Kepunyaan, Kepuasan Keperluan Psikologi dan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan tenaga pengajar OKU di Malaysia. Kajian ini turut menguji peranan Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kepuasan Keperluan Psikologi (Autonomi, Kecekapan, Perkaitan) dalam kalangan Tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.
- ii. Menenalpasti hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.
- iii. Menenalpasti hubungan antara Kepuasan Keperluan Psikologi (Autonomi, Kecekapan, Perkaitan) dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.
- iv. Menenalpasti Kepuasan Keperluan Psikologi (Autonomi, Kecekapan, Perkaitan) sebagai pembolehubah perantara dalam hubungan antara Rasa

Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

2.1 Teori Kepunyaan (*Need to Belong Theory*)

Teori Kepunyaan (*Need to Belong Theory*) yang dikemukakan oleh Baumeister dan Leary (1995) menjelaskan bahawa rasa kepunyaan merupakan satu keperluan psikologi asas yang mendorong individu untuk membentuk dan mengekalkan hubungan interpersonal yang positif, stabil dan bermakna. Keperluan untuk diterima serta menjadi sebahagian daripada sesuatu kumpulan sosial merupakan aspek penting dalam kehidupan individu dan mempunyai kaitan dengan pengalaman psikologi serta kesejahteraan (Baumeister & Leary, 1995; Lambert et al., 2013). Apabila keperluan tersebut dipenuhi, individu berpotensi mengalami pengalaman sosial yang lebih positif, manakala kekurangan rasa kepunyaan boleh dikaitkan dengan kesunyian, tekanan emosi dan kemerosotan kesejahteraan psikologi (Baumeister & Leary, 1995; Baumeister et al., 2007).

Hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan turut disokong oleh kajian terdahulu. Lambert et al. (2013) menunjukkan bahawa rasa kepunyaan berkait dengan pengalaman makna dan tujuan hidup, manakala Allen et al. (2018) mendapati bahawa rasa kepunyaan dalam konteks pendidikan mempunyai hubungan dengan motivasi dan kesejahteraan emosi. Dalam konteks pekerjaan pula, rasa diterima dan dihargai dalam komuniti kerja dapat menyokong pengalaman psikologi yang lebih positif. Waller (2021) menegaskan bahawa persekitaran kerja yang inklusif, komunikasi terbuka dan pengiktirafan terhadap sumbangan individu dapat memperkukuh rasa kepunyaan serta kesejahteraan pekerja. Dapatan kajian dalam konteks pendidikan juga menunjukkan bahawa hubungan sosial yang positif dan sokongan daripada persekitaran merupakan faktor yang berkaitan dengan pembentukan rasa kepunyaan (Uslu & Gizir, 2017).

Dalam konteks kajian ini, Teori Kepunyaan adalah relevan kerana pengalaman diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada komuniti kerja berpotensi mempengaruhi pengalaman psikologi tenaga pengajar OKU (Waller, 2021; Allen et al., 2021). Hal ini penting memandangkan tenaga pengajar OKU berhadapan dengan isu seperti stigma, diskriminasi dan kekurangan sokongan psikososial dalam persekitaran pekerjaan (Mohammed et al., 2021; Aslali et al., 2023; Ahmad et al., 2024). Oleh itu, Teori Kepunyaan menyediakan asas untuk memahami bagaimana pengalaman sosial dan rasa diterima dalam persekitaran kerja berpotensi berkait dengan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU (Baumeister & Leary, 1995; Malone, 2016).

2.2 Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory-SDT*)

Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory, SDT*) yang dikembangkan oleh Deci dan Ryan (2000) menjelaskan bahawa manusia mempunyai tiga keperluan psikologi asas, iaitu autonomi, kecekapan dan perkaitan. Autonomi merujuk kepada pengalaman mempunyai pilihan dan kawalan terhadap tindakan sendiri, kecekapan merujuk kepada pengalaman berupaya dan berkesan dalam melaksanakan sesuatu tugas, manakala perkaitan merujuk kepada pengalaman mempunyai hubungan yang bermakna serta rasa terhubung dengan individu lain (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015). Pemenuhan ketiga-tiga keperluan tersebut penting bagi menyokong fungsi psikologi dan perkembangan individu yang lebih optimum (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015).

Dalam konteks kesejahteraan, SDT menegaskan bahawa pemenuhan keperluan psikologi asas berkait dengan fungsi psikologi yang lebih positif (Deci & Ryan, 2000). Chen et al. (2015) menunjukkan bahawa kepuasan terhadap autonomi, kecekapan dan perkaitan mempunyai hubungan dengan kesejahteraan individu. Dapatan ini turut disokong oleh Martela et al. (2023) yang menekankan kepentingan pemenuhan keperluan psikologi asas dalam menyokong kesejahteraan. Dalam persekitaran pekerjaan, pengalaman sosial dan keadaan persekitaran yang menyokong boleh menyediakan ruang kepada individu untuk memenuhi keperluan autonomi, kecekapan dan perkaitan (Dose et al., 2019). Oleh itu, kepuasan keperluan psikologi asas berpotensi menjadi mekanisme yang menghubungkan pengalaman sosial dengan kesejahteraan psikologi (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015; Ryan & Deci, 2017).

SDT juga relevan dalam memahami pengalaman tenaga pengajar kerana persekitaran pekerjaan boleh mempengaruhi peluang individu untuk membuat keputusan, menggunakan keupayaan profesional dan membina hubungan sosial yang bermakna (Deci & Ryan, 2000; Skaalvik & Skaalvik, 2023). Dalam konteks pendidikan, kajian Skaalvik dan Skaalvik (2023) menunjukkan kepentingan faktor psikologi dan sosial dalam pengalaman kerja guru. Sehubungan itu, pemenuhan keperluan autonomi, kecekapan dan perkaitan dalam persekitaran kerja berpotensi menyokong pengalaman pekerjaan yang lebih positif serta kesejahteraan psikologi (Skaalvik & Skaalvik, 2023).

Dalam kajian ini, SDT melengkapi Teori Kepunyaan dengan menjelaskan mekanisme psikologi yang berpotensi menerangkan hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015). Rasa diterima dan menjadi sebahagian daripada komuniti kerja berkait dengan pengalaman perkaitan, manakala persekitaran yang memberikan sokongan dan kepercayaan dapat menyokong pengalaman autonomi dan kecekapan (Deci & Ryan, 2000). Dengan demikian, autonomi, kecekapan dan perkaitan bukan sahaja merupakan keperluan psikologi asas, tetapi juga berpotensi menjelaskan bagaimana rasa kepunyaan berkait dengan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU (Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015).

2.3 Kesejahteraan Psikologi

Kesejahteraan psikologi merupakan konstruk multidimensional yang melangkaui ketiadaan penyakit mental, sebaliknya merangkumi fungsi psikologi yang positif, perkembangan potensi diri dan keupayaan individu menyesuaikan diri dengan cabaran kehidupan (Ryff & Singer, 1998; Keyes, 2002). Kesejahteraan boleh dilihat melalui perspektif hedonik yang menekankan emosi positif, emosi negatif yang rendah dan kepuasan hidup, serta perspektif eudaimonik yang menekankan pertumbuhan peribadi, makna hidup dan fungsi psikologi yang optimum (Diener et al., 2010; Ryan & Deci, 2000).

Dalam perspektif eudaimonik, Ryff (1989) mengemukakan enam dimensi kesejahteraan psikologi, iaitu penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan alam sekitar, tujuan dalam hidup dan pertumbuhan peribadi. Model ini menunjukkan bahawa kesejahteraan bukan sekadar kebahagiaan atau kepuasan hidup, tetapi turut melibatkan keberfungsian psikologi dan perkembangan individu (Ryff & Keyes, 1995).

Aspek sosial turut memainkan peranan penting dalam kesejahteraan psikologi. Berkman (1971a, 1971b) menegaskan kepentingan hubungan sosial, kestabilan emosi dan keupayaan menyesuaikan diri dalam memahami kesejahteraan. Selaras dengan itu, interaksi sosial yang positif didapati berkait dengan kesejahteraan emosi dan mental yang lebih baik (Kushlev et al., 2020). Dalam konteks pekerjaan, sokongan sosial dan persekitaran organisasi yang menyokong turut dikaitkan dengan kesejahteraan psikologi individu (Mishra & Venkatesan, 2023).

Kepentingan kesejahteraan psikologi turut jelas dalam konteks pekerjaan kerana kesejahteraan berkait dengan pengalaman dan keberkesanan individu dalam melaksanakan tugas (Yang et al., 2024; Mishra & Venkatesan, 2023). Yang et al. (2024), misalnya, menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi berkait dengan prestasi kerja, manakala Slep et al. (2024) menunjukkan bahawa sokongan terhadap keperluan psikologi berkait dengan kesejahteraan psikologi dan prestasi individu.

Dalam konteks kajian ini, kesejahteraan psikologi merupakan aspek penting dalam pengalaman pekerjaan tenaga pengajar OKU (Mishra & Venkatesan, 2023; Yang et al., 2024). Justeru, kajian ini meneliti rasa kepunyaan sebagai faktor sosial dan kepuasan keperluan psikologi asas sebagai mekanisme yang berpotensi menjelaskan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU di Malaysia (Berkman, 1971a, 1971b; Deci & Ryan, 2000; Chen et al., 2015).

2.4 Rasa Kepunyaan

Rasa kepunyaan (*sense of belonging*) merupakan pengalaman subjektif individu untuk berasa diterima, dihargai, disertakan dan menjadi sebahagian daripada sesuatu kumpulan atau persekitaran sosial (Baumeister & Leary, 1995; Hagerty et al., 1992). Keperluan untuk membentuk dan mengekalkan hubungan interpersonal yang stabil dan positif merupakan keperluan asas manusia yang berkait dengan pengalaman psikologi individu (Baumeister & Leary, 1995). Rasa kepunyaan juga melibatkan pengalaman penglibatan dan kesesuaian individu dalam sesuatu sistem atau persekitaran (Hagerty et al., 1992).

Dalam konteks pekerjaan, Malone (2016) menjelaskan konsep kepunyaan umum di tempat kerja, iaitu rasa hubungan sosial yang merangkumi rakan sekerja, penyelia dan organisasi. Kajian beliau menunjukkan bahawa rasa kepunyaan di tempat kerja berkait dengan pengalaman pekerjaan yang lebih positif serta pengurangan keletihan fizikal dan emosi (Malone, 2016). Dapatan kajian lain turut menunjukkan hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi, kepuasan kerja dan daya tahan individu (Kaur, 2023; Haim-Litevsky et al., 2023; Wang et al., 2022; Ibrahim et al., 2019).

Rasa kepunyaan turut mempunyai kaitan dengan pengalaman sosial dan kesejahteraan individu. Kaur (2023) mendapati hubungan positif antara rasa kepunyaan, daya tahan dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Haim-Litevsky et al. (2023) pula menunjukkan bahawa rasa kepunyaan menjelaskan sebahagian variasi dalam kesejahteraan dan menjadi perantara antara penyertaan bermakna dengan kesejahteraan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman diterima dan menjadi sebahagian daripada sesuatu persekitaran sosial mempunyai kepentingan terhadap kesejahteraan individu (Kaur, 2023; Haim-Litevsky et al., 2023).

Walaupun kajian mengenai rasa kepunyaan semakin berkembang, sebahagian besar penyelidikan terdahulu memberi tumpuan kepada pelajar dan konteks pendidikan (Allen et al., 2022).

Kajian mengenai rasa kepunyaan dalam konteks pekerjaan, khususnya dalam kalangan tenaga pengajar OKU, masih terhad. Dalam kajian ini, rasa kepunyaan dirujuk berdasarkan konsep kepunyaan umum yang dikemukakan oleh Malone (2016), yang merangkumi hubungan sosial dengan rakan sekerja, penyelia dan organisasi. Konsep ini digunakan bagi mengenalpasti rasa kepunyaan dalam konteks hubungan sosial yang lebih luas di tempat kerja (Malone, 2016). Sehubungan itu, kajian ini meneliti hubungan rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar OKU. Selain itu, kajian ini juga turut mengenalpasti peranan kepuasan keperluan psikologi iaitu autonomi, kecekapan dan perkaitan dalam hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU di Malaysia.

2.5 Kepuasan Keperluan Psikologi

Kepuasan keperluan psikologi asas merupakan konsep teras dalam Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) yang merujuk kepada sejauh mana keperluan psikologi asas individu dipenuhi dalam persekitaran sosial (Deci & Ryan, 2000; Ryan & Deci, 2017). SDT mengemukakan tiga keperluan psikologi asas yang bersifat universal, iaitu autonomi, kecekapan dan perkaitan. Ketiga-tiga keperluan ini dianggap penting untuk menyokong pertumbuhan, motivasi, fungsi psikologi dan kesejahteraan individu (Ryan & Deci, 2000, 2017).

Autonomi merujuk kepada pengalaman mempunyai kehendak dan pemilikan terhadap tingkah laku sendiri, kecekapan merujuk kepada pengalaman berupaya dan berkesan dalam melaksanakan sesuatu tindakan, manakala perkaitan merujuk kepada pengalaman berhubung dan mempunyai hubungan yang bermakna dengan orang lain (Ryan & Deci, 2017). Pemenuhan keperluan tersebut dapat menyokong motivasi yang lebih autonomi, perkembangan diri dan fungsi psikologi yang optimum (Deci & Ryan, 2000; Ryan & Deci, 2017). Sebaliknya, kegagalan memenuhi atau menggagalkan keperluan psikologi asas boleh menjejaskan fungsi individu serta meningkatkan risiko terhadap hasil psikologi yang negatif (Vansteenkiste et al., 2020).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kepuasan keperluan psikologi asas mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan dan hubungan yang negatif dengan pelbagai indikator psikologi negatif seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan (Arslan et al., 2022; Mise & Busseri, 2020; Ryan et al., 2010). Hubungan ini turut diperhatikan dalam pelbagai konteks kehidupan termasuk pendidikan, pekerjaan dan kesihatan mental (Liu & Huang, 2021; Ryan et al., 2022; Ntoumanis et al., 2021). Hal ini menunjukkan bahawa pemenuhan keperluan psikologi asas merupakan sumber psikologi yang penting dalam menyokong kesejahteraan individu (Ryan & Deci, 2017; Vansteenkiste et al., 2020).

Dalam konteks kajian ini, kepuasan keperluan psikologi asas dilihat berpotensi menjadi mekanisme yang menghubungkan pengalaman sosial dengan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU (Ryan & Deci, 2017; Vansteenkiste et al., 2020). Persekitaran sosial yang menyokong dapat menyediakan pengalaman diterima, dihargai dan berkeupayaan, dan seterusnya berpotensi memenuhi keperluan autonomi, kecekapan dan perkaitan (Ryan & Deci, 2017; Vansteenkiste et al., 2020).

2.6 Pembangunan Hipotesis

2.6.1 Hubungan Rasa Kepunyaan dan Kepuasan Keperluan Psikologi

Dalam kerangka Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT), pemenuhan keperluan psikologi asas untuk autonomi, kecekapan dan perkaitan dipengaruhi oleh konteks sosial yang dialami oleh individu (Ryan & Deci, 2017). Persekitaran sosial yang menyokong dapat menyediakan pengalaman penerimaan, sokongan dan pengiktirafan yang membantu individu berfungsi secara lebih sendiri, berasa berupaya serta mempunyai hubungan sosial yang bermakna (Ryan & Deci, 2017). Sehubungan itu, rasa kepunyaan dalam persekitaran kerja boleh dilihat sebagai satu pengalaman sosial yang berpotensi menyokong pemenuhan ketiga-tiga keperluan psikologi asas tersebut (Kaplan, 2022; Harrison et al., 2025).

Dari aspek autonomi, rasa kepunyaan dapat mewujudkan pengalaman bahawa individu diterima sebagai anggota yang bernilai dalam komuniti kerja. Keadaan ini berpotensi menyediakan ruang kepada individu untuk menyuarakan pandangan, mengambil bahagian dalam keputusan dan melaksanakan tanggungjawab berdasarkan nilai serta kehendak diri (Ryan & Deci, 2017). Dalam konteks pendidikan, pengalaman sosial yang positif dalam komuniti sekolah turut dikaitkan dengan autonomi guru (Skaalvik & Skaalvik, 2023). Dalam konteks pendidikan, Skaalvik dan Skaalvik (2023) mendapati bahawa keselarasan matlamat dan nilai dalam kalangan guru berkait dengan rasa kepunyaan serta autonomi dan kecekapan yang dirasakan. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pengalaman sosial yang positif dalam komuniti sekolah mempunyai kaitan dengan pemenuhan keperluan psikologi guru. Kajian Kaplan (2022) pula menunjukkan bahawa komuniti pembelajaran dan sokongan mentor dapat menyediakan sokongan terhadap keperluan psikologi guru, termasuk autonomi.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Zhang et al. (2021) yang menunjukkan kepentingan sokongan dalam persekitaran kerja guru terhadap kepuasan keperluan psikologi asas. Dalam konteks organisasi pekerjaan yang lebih luas, Wölk dan Kerschreiter (2026) turut menunjukkan bahawa bentuk kepimpinan yang memberi ruang kepada individu dan mengukuhkan identiti kolektif mempunyai kaitan dengan pemenuhan keperluan autonomi dan perkaitan. Oleh itu, pengalaman diterima dan dianggap sebagai sebahagian daripada komuniti kerja berpotensi mewujudkan keadaan sosial yang menyokong pemenuhan keperluan autonomi dalam kalangan tenaga pengajar OKU (Ryan & Deci, 2017; Skaalvik & Skaalvik, 2023). Berdasarkan kajian terdahulu dan teori yang telah dibincangkan, hipotesis berikut dicadangkan:

H1a: Rasa kepunyaan mempunyai hubungan positif dengan autonomi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

Dari aspek kecekapan, rasa kepunyaan berpotensi menyokong keyakinan individu terhadap keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas secara berkesan (Ryan & Deci, 2017; Skaalvik & Skaalvik, 2023). Apabila individu merasakan dirinya diterima, dihargai dan disokong oleh komuniti kerja, pengalaman tersebut boleh menyediakan sumber sosial yang membantu membina persepsi bahawa mereka berupaya menyumbang dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik (Kaplan, 2022; Harrison et al., 2025). Skaalvik dan Skaalvik (2023) mendapati bahawa keselarasan matlamat dan nilai dalam komuniti sekolah berkait dengan kecekapan yang dirasakan oleh guru. Selanjutnya, Kaplan (2022) menunjukkan bahawa sokongan melalui komuniti pembelajaran dan hubungan

mentor merupakan konteks yang penting dalam menyokong pemenuhan keperluan psikologi guru, termasuk kecekapan. Harrison et al. (2025) turut menunjukkan bahawa faktor berkaitan iklim sekolah mempunyai kaitan dengan pemenuhan keperluan psikologi asas guru, termasuk aspek kecekapan dalam melaksanakan peranan profesional. Dapatan ini memberikan asas bahawa pengalaman sosial yang positif dalam persekitaran kerja berpotensi menyokong pembentukan keyakinan tenaga pengajar terhadap kebolehan profesional mereka (Skaalvik & Skaalvik, 2023). Berdasarkan kepada kajian terdahulu dan teori yang dibincangkan di atas, hipotesis berikut dicadangkan:

H1b: Rasa kepunyaan mempunyai hubungan positif dengan kecekapan dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

Seterusnya dari aspek perkaitan, hubungan dengan rasa kepunyaan adalah lebih dekat secara konseptual kerana kedua-duanya menekankan pengalaman individu untuk berhubung, diterima dan menjadi sebahagian daripada komuniti sosial (Ryan & Deci, 2017). Dalam SDT, perkaitan merujuk kepada keperluan untuk berasa terhubung, dihargai dan menjadi sebahagian daripada hubungan atau komuniti sosial (Ryan & Deci, 2017). Oleh itu, apabila seseorang merasakan dirinya diterima dan menjadi sebahagian daripada komuniti kerja, pengalaman tersebut berpotensi memenuhi keperluan untuk berhubung dengan orang lain (Ryan & Deci, 2017; Kaplan, 2022). Kaplan (2022) menunjukkan bahawa komuniti pembelajaran dan sokongan mentor menyediakan konteks sosial yang menyokong keperluan perkaitan dalam kalangan guru. Begitu juga, Harrison et al. (2025) menunjukkan bahawa aspek iklim sekolah dan hubungan sosial dalam persekitaran sekolah mempunyai kaitan dengan pemenuhan keperluan psikologi asas guru. Dalam konteks pekerjaan, Wölk dan Kerschreiter (2026) mendapati bahawa kepimpinan yang berorientasikan kolektif berkait dengan pemenuhan keperluan perkaitan, menunjukkan kepentingan pengalaman menjadi sebahagian daripada kumpulan dalam memenuhi keperluan psikologi individu. Justeru, rasa kepunyaan terhadap komuniti kerja dijangka dapat memperkukuh pengalaman hubungan sosial yang bermakna dan seterusnya menyokong pemenuhan keperluan perkaitan dalam kalangan tenaga pengajar OKU (Ryan & Deci, 2017; Kaplan, 2022). Oleh itu, hipotesis berikut dicadangkan:

H1c: Rasa kepunyaan mempunyai hubungan positif dengan perkaitan dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

2.6.2 Hubungan Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi

Kesejahteraan psikologi merujuk kepada keadaan positif yang mencerminkan keupayaan individu untuk berfungsi secara optimum, membina hubungan yang bermakna dan berkembang dalam kehidupan (Ryff, 1989; Ryff & Keyes, 1995). Dalam konteks pekerjaan, kesejahteraan psikologi turut dipengaruhi oleh pengalaman sosial yang dialami individu dalam persekitaran kerja (Ryan & Deci, 2017; Harrison et al., 2025). Hubungan sosial yang positif dapat menyokong kestabilan emosi, penerimaan diri dan fungsi psikologi individu (Allen et al., 2021; Ryff & Singer, 2013). Sehubungan itu, rasa kepunyaan menjadi salah satu pengalaman sosial yang berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan psikologi kerana individu merasakan dirinya diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada kelompok sosial yang bermakna (Malone, 2016; Ryan & Deci, 2017).

Hubungan antara rasa kepunyaan dan kesejahteraan psikologi turut disokong oleh kajian empirikal. Malone (2016) menunjukkan bahawa rasa kepunyaan dalam konteks organisasi berkait dengan pengalaman kerja yang lebih positif, termasuk penglibatan kerja yang lebih tinggi serta tahap keletihan fizikal dan emosi yang lebih rendah. Haim-Litevsky et al. (2023) pula mendapati bahawa rasa kepunyaan memainkan peranan penting dalam menjelaskan hubungan antara penyertaan sosial dengan kesejahteraan psikologi, dengan individu yang mempunyai rasa kepunyaan lebih tinggi cenderung mengalami kesejahteraan psikologi yang lebih baik. Dapatan tersebut selari dengan Arslan et al. (2022) yang menunjukkan bahawa rasa kepunyaan berkait dengan kesejahteraan dan kesihatan mental yang lebih positif. Dalam konteks pekerjaan, Maziriri et al. (2019) turut menunjukkan bahawa sokongan organisasi dan pengiktirafan sosial dapat memperkukuh rasa kepunyaan serta hubungan interpersonal yang bermakna, yang seterusnya berkait dengan kesejahteraan pekerja.

Dalam konteks pendidikan, pengalaman sosial dalam persekitaran sekolah turut mempunyai kaitan dengan kesejahteraan guru. Harrison et al. (2025) menunjukkan bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan dengan kesejahteraan guru melalui pemenuhan keperluan psikologi asas. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman diterima, dihargai dan mempunyai hubungan sosial yang positif dalam komuniti kerja merupakan aspek penting dalam menyokong kesejahteraan guru (Harrison et al., 2025). Hal ini selari dengan pandangan bahawa hubungan sosial yang positif dapat memenuhi keperluan psikologi individu dan seterusnya menyokong fungsi serta kesejahteraan psikologi (Ryan & Deci, 2017).

Dalam konteks tenaga pengajar OKU, rasa kepunyaan terhadap organisasi dan komuniti kerja dijangka dapat menyumbang kepada pengalaman sosial yang lebih positif apabila individu merasakan dirinya diterima, dihargai dan dianggap sebagai anggota yang bernilai (Malone, 2016; Allen et al., 2021; Cho & Jeon, 2019). Pengalaman mempunyai tempat dalam komuniti kerja berpotensi menyokong penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain serta keupayaan untuk berkembang dalam peranan profesional (Ryff, 1989; Haim-Litevsky et al., 2023). Oleh itu, apabila tenaga pengajar OKU merasakan mereka diterima dan mempunyai hubungan sosial yang bermakna dalam persekitaran kerja, pengalaman tersebut dijangka dapat menyokong kesejahteraan psikologi mereka (Allen et al., 2021; Cho & Jeon, 2019).

Berdasarkan asas teori dan dapatan kajian terdahulu, rasa kepunyaan dijangka mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU. Oleh itu, hipotesis berikut dicadangkan:

H2: Rasa kepunyaan mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

2.6.3 Hubungan Kepuasan Keperluan Psikologi dengan Kesejahteraan Psikologi

Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) menjelaskan bahawa autonomi, kecekapan dan perkaitan merupakan tiga keperluan psikologi asas yang penting kepada fungsi psikologi dan kesejahteraan individu (Ryan & Deci, 2017, 2022; Martela et al., 2023). Pemenuhan keperluan tersebut menyediakan pengalaman psikologi yang menyokong individu untuk berfungsi secara berkesan, berkembang dan mengekalkan kesejahteraan dalam kehidupan seharian (Ryan & Deci, 2017, 2022).

Martela et al. (2023) turut menegaskan bahawa kepuasan keperluan psikologi asas merupakan komponen penting dalam fungsi psikologi dan kesejahteraan eudaimonik.

Dari aspek autonomi, pemenuhan keperluan ini membolehkan individu merasakan bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan dan bertindak berdasarkan nilai serta kehendak diri (Ryan & Deci, 2017). Pengalaman tersebut dapat menyokong rasa kawalan, motivasi autonomi dan fungsi psikologi yang lebih positif (Ryan & Deci, 2017). Bukti empirikal turut menunjukkan bahawa kepuasan keperluan autonomi berkait dengan hasil psikologi yang lebih baik. Chen et al. (2015), misalnya, mendapati bahawa kepuasan autonomi merupakan salah satu faktor yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi merentasi beberapa konteks budaya. Dapatan yang lebih luas turut menunjukkan bahawa motivasi autonomi merupakan antara peramal positif yang penting terhadap kesejahteraan guru (Zhou et al., 2024).

Dari aspek kecekapan, pemenuhan keperluan ini merujuk kepada pengalaman individu bahawa mereka berupaya melaksanakan tugas dan menghadapi cabaran secara berkesan (Ryan & Deci, 2017). Rasa berupaya tersebut dapat menyokong keyakinan terhadap diri, motivasi dan fungsi psikologi yang positif (Ryan & Deci, 2017). Chen et al. (2015) menunjukkan bahawa kepuasan kecekapan mempunyai hubungan dengan kesejahteraan dalam pelbagai budaya, manakala kajian Dose et al. (2019) menunjukkan bahawa kepuasan keperluan psikologi asas, termasuk kecekapan, berkaitan dengan kesejahteraan dalam konteks pekerjaan. Dalam konteks guru, Zhou et al. (2024) turut mengenal pasti kompetensi pekerjaan sebagai antara peramal positif yang kuat terhadap kesejahteraan guru.

Bagi perkaitan, pemenuhan keperluan ini merujuk kepada pengalaman individu untuk merasa diterima, dihargai dan mempunyai hubungan sosial yang bermakna dengan orang lain (Ryan & Deci, 2017). Hubungan sosial yang berkualiti menyediakan sumber sokongan psikologi yang penting kepada fungsi dan kesejahteraan individu (Ryan & Deci, 2017). Dalam kerangka SDT, perkaitan bersama autonomi dan kecekapan merupakan nutrien psikologi yang menyokong perkembangan dan kesejahteraan manusia (Ryan & Deci, 2017). Martela et al. (2023) menegaskan bahawa ketiga-tiga keperluan tersebut mempunyai asas empirikal yang kukuh sebagai komponen penting fungsi psikologi dan kesejahteraan.

Secara keseluruhannya, bukti teori dan empirikal menunjukkan bahawa pemenuhan autonomi, kecekapan dan perkaitan mempunyai kaitan dengan fungsi psikologi yang lebih positif dan kesejahteraan yang lebih baik (Ryan & Deci, 2017, 2022; Martela et al., 2023; Zhou et al., 2024). Dapatan meta-analisis Zhou et al. (2024) yang melibatkan 173 kajian dan 89,876 responden turut menunjukkan bahawa beberapa faktor psikologi yang berkait rapat dengan SDT, termasuk motivasi autonomi dan kompetensi pekerjaan, merupakan antara peramal positif yang kuat terhadap kesejahteraan guru. Oleh itu, dalam konteks tenaga pengajar OKU, pemenuhan keperluan autonomi, kecekapan dan perkaitan dijangka dapat menyokong kesejahteraan psikologi mereka (Martela & Ryan, 2023; Zhou et al., 2024). Berdasarkan hujah teori dan dapatan empirikal tersebut, hipotesis berikut dibangunkan:

H3a: Autonomi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

H3b: Kecekan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

H3c: Perkaitan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

2.6.4 Kepuasan Keperluan Psikologi sebagai Perantara dalam Hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi

Autonomi merujuk kepada pengalaman individu bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan dan bertindak selaras dengan kehendak serta nilai peribadi (Ryan & Deci, 2000, 2017). Dalam konteks rasa kepunyaan, penerimaan dan sokongan daripada kelompok sosial dapat mewujudkan persekitaran yang menyokong individu untuk mengekspresikan diri, membuat pilihan dan bertindak selaras dengan kehendak serta nilai diri (Allen et al., 2018; Ryan & Deci, 2017). Oleh itu, rasa kepunyaan berpotensi menyokong pemenuhan keperluan autonomi melalui pengalaman sosial yang positif (Allen et al., 2018; Ryan & Deci, 2017). Bukti empirikal menunjukkan bahawa kepuasan autonomi mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi. Chen et al. (2015) mendapati bahawa kepuasan autonomi merupakan salah satu peramal penting kepada kesejahteraan dalam sampel merentas budaya. Dapatan ini selari dengan kajian Cho dan Jeon (2019) yang menunjukkan bahawa kepuasan autonomi mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi serta hubungan negatif dengan keletihan. Dalam konteks pekerjaan pula, Dose et al. (2019) menunjukkan bahawa autonomi berperanan sebagai salah satu mekanisme yang menghubungkan sumber psikologi dan interpersonal dengan kesejahteraan di tempat kerja. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa rasa kepunyaan boleh menyediakan konteks sosial yang menyokong pengalaman autonomi, manakala pemenuhan autonomi pula menyumbang kepada fungsi psikologi yang lebih positif dan kesejahteraan yang lebih tinggi. Dengan demikian, kepuasan terhadap keperluan autonomi berpotensi berfungsi sebagai mekanisme yang menjelaskan bagaimana rasa kepunyaan diterjemahkan kepada kesejahteraan psikologi (Chen et al., 2015; Ryan & Deci, 2017; Cho & Jeon, 2019; Dose et al., 2019).

Seterusnya, kecekan merujuk kepada pengalaman individu bahawa mereka berupaya melaksanakan tugas dan menghadapi cabaran secara berkesan (Ryan & Deci, 2000, 2017). Pengalaman rasa kepunyaan dapat mewujudkan persekitaran sosial yang menyokong pemenuhan keperluan kecekan melalui penerimaan, sokongan dan pengiktirafan daripada orang lain (Allen et al., 2018; Ryan & Deci, 2017). Apabila individu merasakan dirinya diterima dalam kelompok sosial, pengalaman tersebut berpotensi memperkukuh persepsi terhadap keupayaan dan keberkesanan diri dalam melaksanakan peranan yang dipertanggungjawabkan (Allen et al., 2021; Ryan & Deci, 2017). Dapatan kajian Chen et al. (2015) menunjukkan bahawa kepuasan terhadap keperluan kecekan mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan dalam pelbagai konteks budaya. Begitu juga, Cho dan Jeon (2019) mendapati bahawa kecekan mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi dan hubungan negatif dengan keletihan. Dalam konteks pekerjaan, Dose et al. (2019) menunjukkan bahawa kecekan merupakan salah satu komponen kepuasan keperluan psikologi asas yang berperanan dalam menjelaskan hubungan antara sumber interpersonal dan psikologi dengan kesejahteraan di tempat kerja.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengalaman rasa kepunyaan berpotensi mewujudkan konteks sosial yang menyokong pemenuhan keperluan kecekapan. Pemenuhan keperluan ini seterusnya dapat menyokong keyakinan terhadap keupayaan diri, keberkesanan dalam melaksanakan tugas dan fungsi psikologi yang lebih positif (Chen et al., 2015; Cho & Jeon, 2019; Ryan & Deci, 2017). Justeru, kepuasan terhadap keperluan kecekapan berpotensi berfungsi sebagai mekanisme psikologi yang menjelaskan bagaimana rasa kepunyaan dapat menyumbang kepada kesejahteraan psikologi yang lebih baik (Chen et al., 2015; Cho & Jeon, 2019; Dose et al., 2019).

Selanjutnya, perkaitan merujuk kepada keperluan individu untuk merasa diterima, dihargai dan mempunyai hubungan sosial yang bermakna dengan orang lain (Ryan & Deci, 2000, 2017). Oleh kerana rasa kepunyaan sendiri melibatkan pengalaman diterima dan menjadi sebahagian daripada kelompok sosial, pengalaman tersebut berpotensi menyediakan konteks yang secara langsung menyokong pemenuhan keperluan perkaitan (Allen et al., 2021). Hubungan interpersonal yang positif dapat memenuhi keperluan untuk merasa terhubung, diterima dan disokong, yang seterusnya menyumbang kepada fungsi psikologi yang lebih positif (Chen et al., 2015; Ryan & Deci, 2017). Dari sudut empirikal, Chen et al. (2015) menunjukkan bahawa kepuasan terhadap keperluan perkaitan berkait dengan kesejahteraan dalam pelbagai konteks budaya. Cho dan Jeon (2019) turut mendapati bahawa kepuasan perkaitan mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi dan hubungan negatif dengan keletihan. Dalam konteks pekerjaan, Dose et al. (2019) menunjukkan bahawa kepuasan keperluan psikologi asas, termasuk perkaitan, memainkan peranan penting dalam menjelaskan hubungan antara sumber interpersonal dan kesejahteraan pekerja.

Dapatan ini menunjukkan bahawa rasa kepunyaan berpotensi menjadi sumber sosial yang menggalakkan pemenuhan keperluan perkaitan. Apabila individu merasakan dirinya diterima, dihargai dan mempunyai hubungan sosial yang bermakna, pengalaman tersebut berpotensi memenuhi keperluan perkaitan serta menyokong fungsi emosi dan psikologi yang lebih positif (Chen et al., 2015; Ryan & Deci, 2017). Selaras dengan itu, kepuasan terhadap keperluan perkaitan berpotensi berfungsi sebagai mekanisme yang menghubungkan rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi (Ryan & Deci, 2017; Chen et al., 2015; Cho & Jeon, 2019; Dose et al., 2019). Berdasarkan hujahan teori dan bukti empirikal yang dikemukakan, tiga hipotesis perantaraan berikut dicadangkan:

H4a: Autonomi berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

H4b: Kecekapan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).


H4c: Perkaitan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara rasa kepunyaan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

4.6.5 Model Kajian

Model kajian ini dibangunkan berasaskan integrasi Teori Kepunyaan (*Belongingness Theory*) oleh Baumeister dan Leary (1995) dan Teori Penentuan Kendiri (*Self-*

Determination Theory, SDT) oleh Deci dan Ryan (2000). Dalam model ini, rasa kepunyaan merupakan pemboleh ubah bebas, kepuasan keperluan psikologi asas yang terdiri daripada autonomi, kecekapan dan perkaitan merupakan pemboleh ubah perantara, manakala kesejahteraan psikologi merupakan pemboleh ubah bersandar. Model ini menggambarkan hubungan langsung antara rasa kepunyaan dan kesejahteraan psikologi, serta hubungan tidak langsung melalui autonomi, kecekapan dan perkaitan sebagai dimensi kepuasan keperluan psikologi asas. Model kajian ini selaras dengan hipotesis yang telah dibangunkan berdasarkan sorotan literatur dan kerangka teori kajian. Rajah 1 memperlihatkan model kajian yang digunakan untuk menguji hubungan antara rasa kepunyaan, kepuasan keperluan psikologi dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia.

Rajah 1: Model Kajian



3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Seramai 238 orang tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang terdiri daripada Penyelia/Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Guru Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dipilih menggunakan persampelan bertujuan dan berstrata.

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang mengukur Rasa Kepunyaan (8 item; Malone, 2016), Keuasan Keperluan Psikologi Asas yang merangkumi autonomi (7 item), kecekapan (6 item) dan perkaitan (8 item) (Deci & Ryan, 2000; Gagné, 2003), serta Kesejahteraan Psikologi (8 item; Berkman, 1971a, 1971b). Kesemua item menggunakan skala Likert lima mata dan item negatif dikodkan secara terbalik. Berdasarkan data kajian sebenar, nilai alfa Cronbach ialah 0.826 bagi Rasa Kepunyaan, 0.686 bagi autonomi, 0.759 bagi kecekapan, 0.760 bagi perkaitan dan 0.807 bagi Kesejahteraan Psikologi.

Selanjutnya, dua item telah dikeluarkan berdasarkan analisis kebolehpercayaan, menjadikan 35 item digunakan dalam analisis akhir. Data dikumpulkan secara dalam talian menggunakan Google Forms dari 28 Oktober hingga 29 November 2024 dan

dianalisis menggunakan IBM SPSS Statistics versi 29 serta PROCESS Macro bagi menguji hubungan dan kesan perantaraan antara pemboleh ubah kajian.

4. Hasil Kajian

4.1 Analisis Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan profil 238 orang responden yang digunakan dalam analisis kajian berdasarkan ciri demografi dan latar belakang pekerjaan. Majoriti responden ialah perempuan, iaitu seramai 196 orang (82.4%), manakala lelaki seramai 42 orang (17.6%). Dari segi umur, kumpulan terbesar terdiri daripada responden berumur 31 hingga 40 tahun, iaitu seramai 102 orang (42.9%), diikuti oleh kumpulan berumur 41 hingga 50 tahun, iaitu seramai 66 orang (27.7%).

Dari segi tahap pendidikan, majoriti responden mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda, iaitu seramai 97 orang (40.8%). Bagi tempoh perkhidmatan pula, kumpulan terbesar mempunyai pengalaman berkhidmat antara satu hingga lima tahun, iaitu seramai 83 orang (34.9%). Berdasarkan kategori mengajar, majoriti responden mengajar murid OKU Pembelajaran, iaitu seramai 109 orang (45.8%). Dari aspek pendapatan bulanan, kumpulan terbesar memperoleh RM1,500 dan ke bawah, iaitu seramai 91 orang (38.2%).

Setersunya, pihak pengurusan merupakan sumber tekanan yang paling banyak dilaporkan oleh responden, iaitu seramai 112 orang (47.1%). Dari segi sijil kemahiran, seramai 84 orang (35.3%) mempunyai Sijil JKM. Bagi tempat berkhidmat, responden terdiri daripada tenaga pengajar dari seluruh negeri yang terlibat dalam kajian.

Jadual 1: Analisis Profil Responden

	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	42	17.6
Perempuan	196	82.4
Umur		
Kurang 20 tahun	1	4
21-30 tahun	41	17.2
31-40 tahun	102	42.9
41-50 tahun	66	27.7
51 tahun ke atas	28	11.8
Bangsa		
Melayu	187	78.6
Cina	11	4.6
India	3	1.3
Lain-lain	37	15.5
Status Perkahwinan		
Bujang	59	24.8
Berkahwin	168	70.6
Duda/Janda/Balu	11	4.6
Taraf Pendidikan		
SRP/PMR/PT3	6	2.5
SPM/SPMV	75	31.5
STPM/DIPLOMA/Sijil	50	21.0
Ijazah Sarjana Muda	97	40.8

Ijazah Sarjana ke atas	10	4.2
Tempoh Berkhidmat		
1-5 tahun	83	34.9
6-10 tahun	53	22.3
11-15 tahun	46	19.3
16-20 tahun	29	12.2
21 tahun ke atas	27	11.3
Kategori Mengajar		
Kurang Upaya Pendengaran	35	14.7
Kurang Upaya Pelbagai	52	21.8
Kurang Upaya Penglihatan	5	2.1
Kurang Upaya Pertuturan	4	1.7
Kurang Upaya Fizikal	10	4.2
Kurang Upaya Pembelajaran	109	45.8
Fisioterapi	2	8
Lain-Lain	21	8.8
Gaji		
RM1,500 ke bawah	91	38.2
RM1,501 – RM3,000	45	18.9
RM3,001 – RM4,000	25	10.5
RM4,001 – RM5,000	26	10.9
RM5,000 ke atas	51	21.4
Pihak Memberi Tekanan		
Pelajar	37	15.5
Ibubapa/Waris/Keluarga	89	37.4
Pihak Pengurusan	112	47.1
Sijil Kemahiran		
Tiada	69	29.0
Sijil KPM	62	26.1
Sijil JKM	84	35.3
Lain-Lain	23	9.7
Tempat Berkhidmat		
Johor	30	12.6
Kedah	20	8.4
Kelantan	16	6.7
Melaka	8	3.4
Negeri Sembilan	14	5.9
Pahang	21	8.8
Perak	15	6.3
Perlis	8	3.4
Pulau Pinang	14	5.9
Sabah	20	8.4
Sarawak	22	9.2
Selangor	25	10.5
Terengganu	14	5.9
W.P KL/Putrajaya/Labuan	11	4.6

4.2 Pengkodan semula item negatif

Jadual 2 menunjukkan item-item negatif yang telah dikodkan semula sebelum analisis dijalankan. Pengkodan semula dilakukan bagi memastikan arah skor semua item adalah konsisten, dengan skor yang lebih tinggi menunjukkan arah pengukuran konstruk yang sama. Bagi skala Likert lima mata, skor diterbalikkan daripada 1 kepada 5, 2 kepada 4, 3 dikekalkan sebagai 3, 4 kepada 2 dan 5 kepada 1. Proses ini dilaksanakan menggunakan

IBM SPSS Statistics versi 29 sebelum analisis kebolehpercayaan dan analisis seterusnya dijalankan.

Jadual 2: Pengkodan Semula Item Negatif

Konstruk	Kod Item	Item Kajian	Pengkodan Semula
Rasa Kepunyaan	RK3	Saya berasa terasing apabila saya bekerja.	1→5, 2→4, 3→3, 4→2, 5→1
	RK5	Rakan sekerja tidak melibatkan saya dalam rancangan mereka.	
	RK6	Penyelia saya melayan saya seperti orang asing.	
	RK8	Apabila bercakap tentang (organisasi), saya rasa seperti orang luar.	
Kepuasan Keperluan Psikologi (Autonomi)	KKPA2,	Saya berasa tertekan dalam hidup saya.	1→5, 2→4, 3→3, 4→2, 5→1
	KKPA4,	Dalam kehidupan seharian saya, saya sering perlu melakukan apa yang disuruh	
	KKPA7	Tidak banyak peluang untuk saya membuat keputusan sendiri bagaimana untuk melakukan sesuatu dalam kehidupan seharian saya.	
Kepuasan Keperluan Psikologi (Kecekapan)	KKPK1,	Selalunya, saya rasa kurang cekap melakukan tugas	1→5, 2→4, 3→3, 4→2, 5→1
	KKPK5,	Dalam hidup saya, saya tidak mendapat banyak peluang untuk menunjukkan betapa berkebolehan saya	
	KKPK6	Saya sering berasa tidak berkemampuan melaksanakan tugas harian	
Kepuasan Keperluan Psikologi (Perkaitan)	KKPP3,	Saya cukup banyak menjaga diri dan tidak mempunyai banyak kenalan sosial.	1→5, 2→4, 3→3, 4→2, 5→1
	KKPP6,	Tidak ramai orang yang saya rapat	
	KKPP7	Orang yang selalu berinteraksi dengan saya nampaknya tidak begitu menyukai saya	
Kesejahteraan Psikologi	KPs1,	Saya sering berasa sangat sunyi atau terpencil dengan orang lain.	1→5, 2→4, 3→3, 4→2, 5→1
	KPs2,	Saya sering berasa tertekan atau sangat tidak gembira.	
	KPs3,	Saya sering merasa bosan.	
	KPs4,	Saya sering berasa sangat resah: Saya tidak boleh duduk lama di kerusi	

4.3 Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 3 menunjukkan interpretasi nilai pekali alpha Cronbach yang digunakan untuk menilai kebolehpercayaan instrumen kajian. Secara umum, nilai alpha Cronbach sekitar 0.70 atau lebih menunjukkan konsistensi dalaman yang boleh diterima (Hair et al., 2010; Pallant, 2020). Walau bagaimanapun, penilaian kebolehpercayaan turut mengambil kira nilai *Corrected Item-Total Correlation* (CITC), perubahan nilai alpha sekiranya item dikeluarkan serta kesesuaian kandungan item (Hair et al., 2019; DeVellis & Thorpe, 2021). Dalam kajian ini, analisis kebolehpercayaan dijalankan selepas pengkodan semula item negatif. Setiap konstruk dianalisis secara berasingan berdasarkan nilai alpha Cronbach dan CITC bagi menentukan konsistensi dalaman serta mengenal pasti item yang perlu dikekalkan atau dikeluarkan. Berdasarkan Jadual 3, nilai alpha Cronbach antara 0.60 hingga 0.69 menunjukkan kebolehpercayaan sederhana, 0.70 hingga 0.79

baik, 0.80 hingga 0.89 sangat baik dan 0.90 ke atas cemerlang (Hair et al., 2010). Keputusan analisis kebolehpercayaan bagi setiap konstruk kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 3: Interpretasi Nilai Pekali Cronbach's Alpha

Cronbach's Alpha	Kekuatan Pekali
< 0.6	Lemah
> 0.6 – 0.7	Sederhana
> 0.7 – 0.8	Baik
> 0.8 – 0.9	Sangat Baik
> 0.9	Cemerlang

Berdasarkan Jadual 4, konstruk Rasa Kepunyaan mencatatkan nilai alpha Cronbach sebanyak 0.826 dan kesemua lapan item dikekalkan. Bagi Autonomi, item KKPA4 (*Dalam kehidupan seharian saya, saya sering perlu melakukan apa yang disuruh*) dikeluarkan kerana menunjukkan nilai *Corrected Item-Total Correlation* yang rendah, iaitu 0.081. Selepas item tersebut dikeluarkan, nilai alpha Cronbach bagi Autonomi ialah 0.686. Bagi Kecekapan, kesemua enam item dikekalkan dengan nilai alpha Cronbach sebanyak 0.759. Bagi Perkaitan pula, kesemua lapan item dikekalkan dengan nilai alpha Cronbach sebanyak 0.760. Bagi Kesejahteraan Psikologi, item KPs6 (*Saya sering berasa berada di puncak dunia*) dikeluarkan kerana mempunyai nilai *Corrected Item-Total Correlation* negatif, iaitu -0.052. Selepas item tersebut dikeluarkan, nilai alpha Cronbach meningkat kepada 0.807 bagi tujuh item yang dikekalkan. Secara keseluruhannya, nilai alpha Cronbach bagi konstruk kajian berada antara 0.686 hingga 0.826. Nilai tersebut menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang memadai bagi tujuan analisis seterusnya.

Jadual 4: Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Konstruk	Bil. Item Asal	Bil. Item Dikeluarkan	Bil. Item Akhir	Alpha Cronbach (α)
Rasa Kepunyaan	8	–	8	0.826
Kepuasan Keperluan Psikologi – Autonomi	7	1 (KKPA_4)	6	0.686
Kepuasan Keperluan Psikologi – Kecekapan	6	–	6	0.759
Kepuasan Keperluan Psikologi – Perkaitan	8	–	8	0.760
Kesejahteraan Psikologi	8	1 (KPs_6)	7	0.807

4.4 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif dijalankan untuk memberikan gambaran umum tentang taburan dan kecenderungan skor bagi konstruk yang dikaji. Analisis ini dilaksanakan selepas proses pengkodan semula item negatif dan analisis kebolehpercayaan bagi memastikan item yang digunakan mempunyai arah pengukuran yang konsisten (Hair et al., 2019; Pallant, 2020).

Analisis melibatkan lima konstruk, iaitu Rasa Kepunyaan, Autonomi, Kecekapan, Perkaitan dan Kesejahteraan Psikologi, berdasarkan 238 orang responden. Statistik deskriptif yang dianalisis merangkumi nilai minimum, maksimum, min, sisihan piawai, *skewness* dan *kurtosis*.

Nilai min ditafsirkan berdasarkan skala Likert lima mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju. Berdasarkan Feldman dan Sanger (2007), skor min 1.00–1.80 ditafsirkan sebagai sangat rendah, 1.81–2.60 rendah, 2.61–3.40 sederhana, 3.41–4.20 tinggi dan 4.21–5.00 sangat tinggi. Jadual 5 memaparkan skor min yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 5: Interpretasi Skor Min Likert

Skor Min	Interpretasi Tahap Amalan
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Jadual 6, menunjukkan hasil analisis deskriptif bagi lima konstruk kajian berdasarkan 238 orang responden. Rasa Kepunyaan mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 4.175 (SP = 0.597), diikuti oleh Kesejahteraan Psikologi dengan min 4.023 (SP = 0.625). Seterusnya, Kecekapan mencatatkan min 3.847 (SP = 0.603), Autonomi sebanyak 3.818 (SP = 0.608) dan Perkaitan sebanyak 3.755 (SP = 0.572).

Kesemua konstruk berada dalam julat min 3.41 hingga 4.20 dan ditafsirkan pada tahap tinggi. Nilai sisihan piawai bagi kesemua konstruk berada antara 0.572 hingga 0.625, menunjukkan penyebaran skor yang relatif rendah daripada nilai min masing-masing. Nilai *skewness* pula berada antara -0.693 hingga 0.170, manakala nilai *kurtosis* berada antara -0.874 hingga -0.037. Secara keseluruhannya, nilai *skewness* dan *kurtosis* menunjukkan bahawa taburan data tidak menunjukkan penyimpangan yang ketara daripada taburan normal.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan, Autonomi, Kecekapan, Perkaitan dan Kesejahteraan Psikologi berada pada tahap tinggi. Dapatan deskriptif ini seterusnya memberikan gambaran awal tentang kecenderungan data sebelum analisis inferensi dijalankan.

Jadual 6: Hasil Analisis Deskriptif

Konstruk	Minimum	Maksimum	Min	Sisih Piawaian	Skewness	Kurtosis
Rasa Kepunyaan	2.38	5.00	4.175	0.597	-0.693	-0.037
Autonomi	1.67	5.00	3.818	0.608	-0.170	-0.164
Kecekapan	2.67	5.00	3.847	0.603	0.170	-0.874
Perkaitan	1.75	5.00	3.755	0.572	-0.060	-0.059
Kesejahteraan Psikologi	2.29	5.00	4.023	0.625	-0.337	-0.638

Jadual 7, menunjukkan interpretasi pekali korelasi Pearson (r) yang digunakan untuk menentukan arah dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Nilai r berada antara -1 hingga +1, dengan nilai positif menunjukkan hubungan sehalu dan nilai negatif menunjukkan hubungan songsang. Semakin hampir nilai r kepada -1 atau +1, semakin kuat hubungan antara pemboleh ubah, manakala nilai yang menghampiri sifar

menunjukkan hubungan yang lemah (Pallant, 2020). Berdasarkan Chua (2011) dan Pallant (2020), nilai r antara 0.01–0.30 ditafsirkan sebagai sangat lemah, 0.31–0.50 lemah, 0.51–0.70 sederhana, 0.71–0.90 kuat dan 0.91–1.00 sangat kuat.

Jadual 7: Interpretasi Nilai Pekali Pearson

Nilai r	Kekuatan Korelasi
0.00	Tiada Korelasi
0.01 – 0.3	Sangat Lemah
0.31 – 0.5	Lemah
0.51 – 0.7	Sederhana
0.71 – 0.9	Kuat
0.91 – 1.0	Sangat Kuat

Berdasarkan Jadual 8, Analisis korelasi Pearson dijalankan terhadap lima pemboleh ubah kajian, iaitu Rasa Kepunyaan, Autonomi, Kecekapan, Perkaitan dan Kesejahteraan Psikologi, berdasarkan 238 responden. Aras keertian statistik ditetapkan pada $p < .001$ bagi ujian dua hala (*two-tailed*). Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Autonomi ($r = .536, p < .001$), Kecekapan ($r = .509, p < .001$), Perkaitan ($r = .470, p < .001$) dan Kesejahteraan Psikologi ($r = .492, p < .001$). Berdasarkan kriteria interpretasi yang digunakan, hubungan Rasa Kepunyaan dengan Autonomi dan Kecekapan adalah sederhana, manakala hubungannya dengan Perkaitan dan Kesejahteraan Psikologi adalah lemah. Dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan Rasa Kepunyaan berkait dengan peningkatan ketiga-tiga keperluan psikologi serta Kesejahteraan Psikologi responden.

Bagi Autonomi, hubungan positif dan signifikan turut diperoleh dengan Kecekapan ($r = .605, p < .001$), Perkaitan ($r = .580, p < .001$) dan Kesejahteraan Psikologi ($r = .635, p < .001$). Kesemua hubungan tersebut berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap Autonomi yang lebih tinggi berkait dengan tahap Kecekapan, Perkaitan dan Kesejahteraan Psikologi yang lebih tinggi.

Seterusnya, Kecekapan menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan Perkaitan ($r = .625, p < .001$) dan Kesejahteraan Psikologi ($r = .714, p < .001$). Hubungan tersebut masing-masing berada pada tahap sederhana dan kuat. Hubungan antara Kecekapan dengan Kesejahteraan Psikologi merupakan hubungan paling kuat dalam analisis korelasi.

Perkaitan juga mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi ($r = .625, p < .001$), dengan kekuatan hubungan pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, semua hubungan antara pemboleh ubah kajian adalah positif dan signifikan pada aras $p < .001$, dengan nilai pekali korelasi berada antara .470 hingga .714. Corak hubungan ini memberikan sokongan awal terhadap hubungan antara Rasa Kepunyaan, Kepuasan Keperluan Psikologi dan Kesejahteraan Psikologi. Walau bagaimanapun, korelasi tidak menunjukkan hubungan sebab dan akibat. Oleh itu, analisis regresi dan perantaraan seterusnya dijalankan bagi menguji hipotesis kajian.

Jadual 8: Matriks Korelasi Pearson antara Pemboleh Ubah Kajian

Konstruk	Rasa Kepunyaan	Autonomi	Kecekapan	Perkaitan	Kesejahteraan Psikologi
----------	----------------	----------	-----------	-----------	-------------------------

Rasa Kepunyaan	1				
Autonomi	.536**	1			
Kecekapan	.509**	.605**	1		
Perkaitan	.470**	.580**	.625**	1	
Kesejahteraan Psikologi	.492**	.635**	.714**	.625**	1

4.5 Analisis Regresi

Analisis regresi linear mudah dan regresi linear berganda digunakan untuk menguji hipotesis kajian serta menentukan sumbangan pemboleh ubah peramal terhadap pemboleh ubah bersandar. Regresi linear mudah digunakan apabila terdapat satu pemboleh ubah peramal, manakala regresi linear berganda digunakan apabila lebih daripada satu pemboleh ubah peramal dimasukkan secara serentak ke dalam model (Pallant, 2020). Sebelum analisis regresi dijalankan, analisis korelasi Pearson terlebih dahulu digunakan untuk menilai arah dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah kajian.

Keputusan regresi dinilai berdasarkan nilai R^2 , $Adjusted R^2$, F , pekali beta piawai (β), t dan p . Nilai R^2 menunjukkan peratus varians dalam pemboleh ubah bersandar yang dapat diterangkan oleh pemboleh ubah peramal, manakala pekali beta piawai (β) menunjukkan arah dan kekuatan sumbangan relatif pemboleh ubah peramal terhadap pemboleh ubah bersandar (Pallant, 2020). Keputusan analisis regresi seterusnya digunakan untuk menentukan penerimaan atau penolakan hipotesis berdasarkan arah hubungan yang dicadangkan dan aras keertian statistik. Pelaporan dapatan regresi disusun mengikut urutan hipotesis kajian.

4.5.1 Analisis Regresi Mudah Rasa Kepunyaan Dengan Kepuasan Keperluan Psikologi

Tiga hipotesis dibangunkan bagi menguji hubungan antara Rasa Kepunyaan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dengan tiga komponen Kepuasan Keperluan Psikologi, iaitu Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan.

Jadual 9. menunjukkan keputusan analisis regresi linear mudah bagi menguji H1a, iaitu Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan Autonomi dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU). Keputusan analisis menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan, $F = 95.000$, $p < .001$. Nilai $R^2 = .287$ menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan menerangkan sebanyak 28.7% varians dalam Autonomi, manakala nilai $Adjusted R^2$ ialah .284. Selain itu, nilai Durbin-Watson sebanyak 1.828 menunjukkan bahawa tiada isu autokorelasi yang ketara dalam residual model. Berdasarkan pekali regresi, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Autonomi, $\beta = .536$, $t = 9.747$, $p < .001$. Nilai β yang positif menunjukkan bahawa peningkatan dalam Rasa Kepunyaan berkait dengan peningkatan dalam Autonomi. Dapatan ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar OKU yang mempunyai rasa diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja yang lebih tinggi cenderung melaporkan tahap Autonomi yang lebih tinggi dalam melaksanakan tugas. Berdasarkan keputusan tersebut, H1a diterima, yang menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Autonomi dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU.

Jadual 9: Hasil Analisis Regresi Rasa Kepunyaan dengan Autonomi

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar: AUTONOMI
Rasa Kepunyaan	0.536**
<i>R Square</i>	0.287
<i>Adjusted R Square</i>	0.284
Nilai F	95.000**
<i>Durbin-Watson</i>	1.828

Seterusnya, Jadual 10 menunjukkan keputusan analisis regresi linear mudah bagi menguji H1b, iaitu Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan Kecekapan dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU).

Analisis melibatkan Rasa Kepunyaan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dan Kecekapan sebagai pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan, $F = 82.319$, $p < .001$. Nilai $R^2 = .259$ menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan menerangkan sebanyak 25.9% varians dalam Kecekapan, manakala nilai *Adjusted R²* ialah .255. Nilai *Durbin-Watson* sebanyak 1.600 menunjukkan bahawa tiada isu autokorelasi yang ketara dalam residual model. Berdasarkan pekali regresi, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kecekapan, $\beta = .509$, $t = 9.073$, $p < .001$. Nilai β yang positif menunjukkan bahawa peningkatan dalam Rasa Kepunyaan berkait dengan peningkatan dalam Kecekapan. Dapatan ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar OKU yang merasakan diri mereka diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja cenderung mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap kebolehan dan keupayaan diri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Berdasarkan keputusan tersebut, H1b diterima, yang menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kecekapan dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU.

Jadual 10: Hasil Analisis Regresi Rasa Kepunyaan dengan Kecekapan

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar: KECEKAPAN
Rasa Kepunyaan	.509**
<i>R Square</i>	.259
<i>Adjusted R Square</i>	.255
Nilai F	82.319**
<i>Durbin-Watson</i>	1.600

Selanjutnya, Jadual 11 menunjukkan keputusan analisis regresi linear mudah bagi menguji H1c, iaitu Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan Perkaitan dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU). Analisis melibatkan Rasa Kepunyaan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dan Perkaitan sebagai pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan, $F = 66.939$, $p < .001$. Nilai $R^2 = .221$ menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan menerangkan sebanyak 22.1% varians dalam Perkaitan, manakala nilai *Adjusted R²* ialah .218. Nilai *Durbin-Watson* sebanyak 1.559 menunjukkan bahawa tiada isu autokorelasi yang ketara dalam residual model. Berdasarkan pekali regresi, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Perkaitan, $\beta = .470$, $t =$

8.182, $p < .001$. Nilai β yang positif menunjukkan bahawa peningkatan dalam Rasa Kepunyaan berkait dengan peningkatan dalam Perkaitan. Dapatan ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar OKU yang mempunyai rasa diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja yang lebih tinggi cenderung melaporkan tahap keterhubungan sosial yang lebih tinggi dengan individu lain dalam persekitaran kerja.

Berdasarkan keputusan tersebut, H1c diterima, yang menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Perkaitan dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU.

Jadual 11: Hasil Analisis Regresi Rasa Kepunyaan dengan Perkaitan

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar: PERKAITAN
Rasa Kepunyaan	.470**
R Square	.221
Adjusted R Square	.218
Nilai F	66.939**
Durbin-Watson	1.559

4.5.2 Analisis Regresi Mudah Rasa Kepunyaan Dengan Kesejahteraan Psikologi

Jadual 12 menunjukkan keputusan analisis regresi linear mudah bagi menguji H2, iaitu Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar Orang Kurang Upaya (OKU). Analisis melibatkan Rasa Kepunyaan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dan Kesejahteraan Psikologi sebagai pemboleh ubah bersandar, dengan melibatkan 238 orang responden. Keputusan menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan, $F = 75.492$, $p < .001$. Nilai $R^2 = .242$ menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan menerangkan sebanyak 24.2% varians dalam Kesejahteraan Psikologi, manakala nilai *Adjusted R²* ialah .239. Nilai Durbin-Watson sebanyak 1.636 menunjukkan bahawa tiada isu autokorelasi residual yang ketara dalam model regresi. Berdasarkan pekali regresi, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi, $\beta = .492$, $t = 8.689$, $p < .001$. Nilai β yang positif menunjukkan bahawa peningkatan dalam Rasa Kepunyaan berkait dengan peningkatan dalam Kesejahteraan Psikologi. Dapatan ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar OKU yang merasakan diri mereka diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran sosial serta tempat kerja cenderung melaporkan tahap Kesejahteraan Psikologi yang lebih tinggi. Berdasarkan keputusan tersebut, H2 diterima, yang menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU.

Jadual 12: Hasil Analisis Regresi Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar: KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI
Rasa Kepunyaan	.492**
R Square	.242
Adjusted R Square	.239
Nilai F	75.492**
Durbin-Watson	1.636

5.5.3 Analisis Regresi Berganda Kepuasan Keperluan Psikologi Dengan Kesejahteraan Psikologi

Jadual 13, memaparkan hasil analisis regresi linear berganda dijalankan bagi menguji hubungan antara tiga komponen Kepuasan Keperluan Psikologi, iaitu Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan, dengan Kesejahteraan Psikologi. Ketiga-tiga pemboleh ubah peramal dimasukkan secara serentak dalam model, manakala Kesejahteraan Psikologi ditetapkan sebagai pemboleh ubah bersandar. Analisis melibatkan 238 orang responden. Model regresi yang dibina adalah signifikan, $F = 116.375$, $p < .001$, dengan nilai $R^2 = .599$ dan $Adjusted R^2 = .594$. Dapatan ini menunjukkan bahawa Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan secara bersama-sama menerangkan sebanyak 59.9% varians dalam Kesejahteraan Psikologi. Baki 40.1% varians pula berkemungkinan berkaitan dengan faktor-faktor lain yang tidak dimasukkan dalam model kajian. Nilai *Durbin-Watson* sebanyak 1.866 turut menunjukkan bahawa tiada isu autokorelasi residual yang ketara. Selain itu, nilai *Tolerance* (.520–.567) dan *VIF* (1.764–1.922) menunjukkan bahawa tidak terdapat masalah multikolineariti yang serius antara pemboleh ubah peramal.

Autonomi mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi, $\beta = .253$, $t = 4.608$, $p < .001$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap Autonomi yang lebih tinggi berkait dengan tahap Kesejahteraan Psikologi yang lebih tinggi setelah kesan Kecekapan dan Perkaitan dikawal. Oleh itu, H3a diterima. Dapatan ini mencadangkan bahawa pengalaman mempunyai ruang untuk membuat pilihan, menentukan tindakan dan melaksanakan tugas secara lebih autonomi berkait dengan keadaan psikologi yang lebih positif dalam kalangan tenaga pengajar OKU.

Kecekapan turut menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi, $\beta = .429$, $t = 7.480$, $p < .001$. Keputusan ini menunjukkan bahawa individu yang melaporkan tahap Kecekapan yang lebih tinggi cenderung mempunyai tahap Kesejahteraan Psikologi yang lebih tinggi selepas Autonomi dan Perkaitan dikawal. Oleh itu, H3b diterima. Berbanding kedua-dua pemboleh ubah peramal yang lain, Kecekapan mempunyai nilai beta piawai tertinggi ($\beta = .429$), sekali gus menunjukkan bahawa Kecekapan memberikan sumbangan relatif paling besar terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam model yang diuji.

Perkaitan juga mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi, $\beta = .210$, $t = 3.741$, $p < .001$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap Perkaitan yang lebih tinggi berkait dengan tahap Kesejahteraan Psikologi yang lebih tinggi setelah kesan Autonomi dan Kecekapan dikawal. Oleh itu, H3c diterima. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa pengalaman keterhubungan sosial, penerimaan dan hubungan interpersonal yang positif dalam persekitaran kerja berkait dengan kesejahteraan psikologi yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga komponen Kepuasan Keperluan Psikologi menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi. Walaupun ketiga-tiga komponen memberikan sumbangan yang signifikan, Kecekapan merupakan peramal yang paling dominan dalam model regresi. Keputusan ini menyokong hipotesis H3a, H3b dan H3c serta menunjukkan bahawa pemenuhan keperluan terhadap autonomi, kecekapan dan perkaitan mempunyai kaitan yang bermakna dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan tenaga pengajar OKU.

Jadual 13: Hasil Analisis Regresi Kepuasan Keperluan Psikologi dengan Kesejahteraan Psikologi

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar: KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI
Autonomi	.253**
Kecekapan	.429**
Perkaitan	.210**
R Square	.599
Adjusted R Square	.594
Nilai F	116.375**
Durbin-Watson	1.866

4.5.4 Kesan Perantara Kepuasan Keperluan Psikologi

Tiga hipotesis telah dibangunkan dalam kajian ini bagi menguji peranan Kepuasan Keperluan Psikologi, yang terdiri daripada Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan, sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Analisis perantaraan menggunakan Model 4 PROCESS Macro melibatkan 238 responden, 5,000 sampel *bootstrap* dan selang keyakinan 95%. Jadual 14, menunjukkan keputusan analisis kesan perantara Autonomi dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Berdasarkan laluan *a*, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Autonomi ($B = .5465$, $t = 9.746$, $p < .001$), manakala laluan *b* menunjukkan bahawa Autonomi mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi selepas kesan Rasa Kepunyaan dikawal ($B = .5344$, $t = 8.973$, $p < .001$). Model yang mengandungi Rasa Kepunyaan dan Autonomi adalah signifikan, $F(2, 235) = 90.716$, $p < .001$, dengan $R^2 = .4357$. Kesan keseluruhan Rasa Kepunyaan terhadap Kesejahteraan Psikologi adalah positif dan signifikan ($B = .5153$, $t = 8.689$, $p < .001$). Setelah Autonomi dimasukkan sebagai pemboleh ubah perantara, kesan langsung (*c'*) masih signifikan ($B = .2233$, $t = 3.676$, $p < .001$). Kesan tidak langsung ($a \times b$) pula ialah .2920 dengan *BootSE* = .0510 dan selang keyakinan *bootstrap* 95% [.1978, .3968]. Oleh sebab selang keyakinan tidak merangkumi sifar, kesan tidak langsung adalah signifikan.

Jadual 14: Keputusan Analisis Kesan Perantara Autonomi

Hubungan Perantara	Laluan a		Laluan b		Kesan Tidak Langsung ($a \times b$)	Kesan Langsung (c')	Selang Keyakinan 95% CI		Keputusan
	<i>B</i>	<i>t</i>	<i>B</i>	<i>t</i>			Bawah	Atas	
RK– Autonomi – KPs	.5465	9.746	.5344	8.972	.2920	.2233	.1978	.3968	Kesan Mediasi Signifikan

Nota: $N = 238$; Bootstrap = 5,000; CI = *Confidence Interval*. RK = Rasa Kepunyaan; KKPA = Kepuasan Keperluan Psikologi (Autonomi); KPs = Kesejahteraan Psikologi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan dengan Kesejahteraan Psikologi bukan sahaja secara langsung, tetapi juga secara tidak langsung melalui Autonomi. Tenaga pengajar OKU yang mempunyai rasa diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja cenderung mempunyai tahap Autonomi yang lebih tinggi, yang seterusnya berkait dengan Kesejahteraan Psikologi yang lebih baik. Selain itu juga, dapatan ini juga menunjukkan bahawa kesan langsung dan kesan tidak langsung adalah signifikan. Autonomi berperanan sebagai pemboleh

ubah perantara separa dalam hubungan tersebut. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan autonomi berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan positif antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU. Maka, dalam kajian ini hipotesis H4a diterima.

Jadual 15, menunjukkan keputusan analisis kesan perantara Kecekapan dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Berdasarkan laluan *a*, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kecekapan ($B = .5136$, $t = 9.073$, $p < .001$), manakala laluan *b* menunjukkan bahawa Kecekapan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi selepas kesan Rasa Kepunyaan dikawal ($B = .6481$, $t = 12.069$, $p < .001$). Model yang mengandungi Rasa Kepunyaan dan Kecekapan adalah signifikan, $F(2, 235) = 133.720$, $p < .001$, dengan $R^2 = .5323$. Kesan keseluruhan Rasa Kepunyaan terhadap Kesejahteraan Psikologi adalah positif dan signifikan ($B = .5153$, $t = 8.689$, $p < .001$). Setelah Kecekapan dimasukkan sebagai pemboleh ubah perantara, kesan langsung (*c'*) masih signifikan ($B = .1824$, $t = 3.364$, $p < .001$). Kesan tidak langsung ($a \times b$) pula ialah .3329 dengan $BootSE = .0436$ dan selang keyakinan *bootstrap* 95% [.2524, .4253]. Oleh sebab selang keyakinan tidak merangkumi sifar, kesan tidak langsung adalah signifikan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan dengan Kesejahteraan Psikologi bukan sahaja secara langsung, tetapi juga secara tidak langsung melalui Kecekapan. Tenaga pengajar OKU yang mempunyai rasa diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja cenderung mempunyai persepsi Kecekapan yang lebih tinggi, yang seterusnya berkait dengan Kesejahteraan Psikologi yang lebih baik. Keputusan analisis menunjukkan kesan langsung dan kesan tidak langsung adalah signifikan, Kecekapan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan tersebut. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa Kecekapan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan positif antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU. Maka, dalam kajian ini hipotesis H4b diterima.

Jadual 15: Keputusan Analisis Kesan Perantara Kecekapan

Hubungan Perantara	Laluan a		Laluan b		Kesan Tidak Langsung ($a \times b$)	Kesan Langsung (c')	Selang Keyakinan 95% CI		Keputusan
	<i>B</i>	<i>t</i>	<i>B</i>	<i>t</i>			Bawah	Atas	
RK-Kecekapan - KPs	.5136	9.073	.6481	12.07	.3329	.1824	.2524	.4253	Kesan Mediasi Signifikan

Nota: $N = 238$; Bootstrap = 5,000; CI = *Confidence Interval*. RK = Rasa Kepunyaan; KKPK = Kepuasan Keperluan Psikologi (Kecekapan); KPs = Kesejahteraan Psikologi.

Jadual 16, menunjukkan keputusan analisis kesan perantara Perkaitan dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Berdasarkan laluan *a*, Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Perkaitan ($B = .4508$, $t = 8.182$, $p < .001$), manakala laluan *b* menunjukkan bahawa Perkaitan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi selepas kesan Rasa Kepunyaan dikawal ($B = .5518$, $t = 9.153$, $p < .001$). Model yang mengandungi Rasa Kepunyaan dan Perkaitan adalah signifikan, $F(2, 235) = 92.869$, $p < .001$, dengan $R^2 = .4415$. Kesan keseluruhan Rasa Kepunyaan terhadap Kesejahteraan Psikologi adalah positif dan signifikan ($B = .5153$, $t = 8.689$, $p < .001$). Setelah Perkaitan dimasukkan

sebagai pemboleh ubah perantara, kesan langsung (c') masih signifikan ($B = .2666$, $t = 4.610$, $p < .001$). Kesan tidak langsung ($a \times b$) pula ialah .2488 dengan $BootSE = .0433$ dan selang keyakinan *bootstrap* 95% [.1671, .3376]. Oleh sebab selang keyakinan tidak merangkumi sifar, kesan tidak langsung adalah signifikan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan dengan Kesejahteraan Psikologi bukan sahaja secara langsung, tetapi juga secara tidak langsung melalui Perkaitan. Tenaga pengajar OKU yang mempunyai rasa diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja cenderung mempunyai tahap Perkaitan yang lebih tinggi, yang seterusnya berkait dengan Kesejahteraan Psikologi yang lebih baik. Keputusan analisis menunjukkan kesan langsung dan kesan tidak langsung adalah signifikan, perkaitan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan tersebut. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa perkaitan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan positif antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan Tenaga Pengajar OKU. Maka, dalam kajian ini hipotesis H4c diterima.

Jadual 16: Keputusan Analisis Kesan Perantara

Hubungan Perantara	Laluan a		Laluan b		Kesan Tidak Langsung ($a \times b$)	Kesan Langsung (c')	Selang Keyakinan 95% CI		Keputusan
	<i>B</i>	<i>t</i>	<i>B</i>	<i>t</i>			Bawah	Atas	
RK – Perkaitan – KPs	.4508	8.182	.5518	9.153	.2488	.2488	.1671	.3376	Kesan Mediasi Signifikan

Nota: N = 238; Bootstrap = 5,000; CI = Confidence Interval. RK = Rasa Kepunyaan; KKPP = Kepuasan Keperluan Psikologi (Perkaitan); KPs = Kesejahteraan Psikologi.

5. Perbincangan

Perbincangan ini meneliti dapatan kajian berdasarkan hubungan antara Rasa Kepunyaan, Kepuasan Keperluan Psikologi dan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Selain itu, perbincangan ini turut menjelaskan dapatan kajian peranan kepuasan keperluan psikologi iaitu autonomi, kecekapan dan perkaitan sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan di antara rasa kepunyaan dan kesejahteraan psikologi tenaga pengajar OKU. Secara keseluruhannya, dapatan analisis bagi hipotesis H1a, H1b dan H1c, menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan ketiga-tiga dimensi Kepuasan Keperluan Psikologi, iaitu Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan. Hasil analisis hipotesis H2, menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan turut mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi, manakala hasil ujian hipotesis H3a, H3b dan H3c menunjukkan bahawa ketiga-tiga dimensi Kepuasan Keperluan Psikologi mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi. Selain itu, analisis perantara menunjukkan bahawa Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan masing-masing berperanan sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Berdasarkan dapatan kajian ini ianya memberikan sokongan terhadap Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory, SDT) yang menegaskan kepentingan pemenuhan keperluan psikologi asas dalam menyokong fungsi dan kesejahteraan individu (Ryan & Deci, 2017).

Seterusnya, dapatan kajian H1a, H1b dan H1c bagi hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kepuasan Keperluan Psikologi menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dengan Autonomi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada komuniti kerja bukan sahaja berkaitan dengan aspek sosial, tetapi turut mempunyai kaitan dengan pemenuhan keperluan psikologi asas tenaga pengajar OKU. Dapatan ini selari dengan Van den Broeck et al. (2016) yang menunjukkan bahawa persekitaran kerja yang menyokong keperluan psikologi dapat menyumbang kepada pengalaman psikologi yang lebih positif. Skaalvik dan Skaalvik (2023) turut menunjukkan bahawa pengalaman positif dalam persekitaran pendidikan, termasuk sokongan sosial dan perkongsian matlamat serta nilai, mempunyai hubungan dengan Rasa Kepunyaan, Autonomi dan Kecekapan guru. Dalam konteks kajian ini, tenaga pengajar OKU yang merasakan diri mereka diterima dan menjadi sebahagian daripada komuniti kerja berkemungkinan memperoleh sokongan, pengiktirafan dan ruang untuk melaksanakan tugas berdasarkan pertimbangan profesional. Keadaan tersebut seterusnya dapat menyokong pengalaman berupaya, mempunyai kawalan terhadap tugas serta membina hubungan sosial yang bermakna.

Hubungan positif antara Rasa Kepunyaan dengan Perkaitan turut selari dengan Holzer et al. (2021), Çınar-Tanrıverdi dan Karabacak-Çelik (2023) serta Affuso et al. (2023) yang menunjukkan bahawa penerimaan sosial, hubungan interpersonal dan keterlibatan dalam komuniti menyumbang kepada pemenuhan keperluan Perkaitan. Dalam persekitaran pendidikan khas, hubungan yang baik dengan rakan sekerja, pihak pengurusan, murid dan ibu bapa amat penting kerana pelaksanaan tugas memerlukan kerjasama dan sokongan berterusan. Oleh itu, Rasa Kepunyaan dapat dilihat sebagai satu pengalaman sosial yang berpotensi menyediakan konteks yang menyokong pemenuhan ketiga-tiga keperluan psikologi asas.

Dapatan H2 dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi. Dapatan ini menyokong kajian Allen et al. (2021) dan Haim-Litevsky et al. (2023) yang menekankan kepentingan penerimaan sosial, keterlibatan dan pengalaman menjadi sebahagian daripada komuniti terhadap fungsi psikologi yang positif. Holzer et al. (2021) turut menunjukkan kepentingan Rasa Kepunyaan dalam persekitaran pendidikan terhadap pengalaman psikologi yang lebih positif. Selaras dengan Malone (2016), Rasa Kepunyaan mencerminkan pengalaman individu bahawa dirinya diterima dan mempunyai tempat dalam sesuatu komuniti atau persekitaran sosial. Dalam konteks tenaga pengajar OKU, pengalaman diterima dan dihargai dalam persekitaran kerja dapat memberikan rasa bahawa sumbangan mereka mempunyai nilai serta bahawa mereka mempunyai peranan yang bermakna dalam komuniti pendidikan. Keadaan ini berpotensi menyokong penerimaan sendiri, hubungan interpersonal yang positif dan pengalaman kehidupan profesional yang lebih bermakna, yang merupakan aspek penting dalam Kesejahteraan Psikologi.

Selanjutnya, dapatan H3a, H3b, dan H3c, menunjukkan bahawa Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi. Dapatan ini konsisten dengan SDT yang menjelaskan bahawa pemenuhan ketiga-tiga keperluan psikologi asas merupakan asas penting kepada fungsi dan kesejahteraan psikologi (Ryan & Deci, 2017). Van den Broeck et al. (2016) turut menunjukkan bahawa pemenuhan keperluan psikologi dalam persekitaran pekerjaan berkait dengan hasil psikologi yang lebih positif. Dalam konteks tenaga pengajar OKU,

Autonomi membolehkan mereka mengalami kebebasan dan kawalan dalam melaksanakan tugas, Kecekapan memberikan pengalaman bahawa mereka berupaya dan berkesan dalam menghadapi tuntutan pekerjaan, manakala Perkaitan menyediakan pengalaman hubungan sosial yang positif dan bermakna. Ketiga-tiga pengalaman tersebut dapat menyokong fungsi psikologi yang lebih baik dalam melaksanakan tanggungjawab profesional.

Keputusan analisis kecekapan menunjukkan sumbangan relatif yang lebih tinggi berbanding Autonomi dan Perkaitan turut memberikan gambaran bahawa pengalaman berasa mampu, berupaya dan berkesan dalam melaksanakan tugas merupakan aspek yang penting dalam Kesejahteraan Psikologi tenaga pengajar OKU. Dapatan ini selari dengan Van den Broeck et al. (2016) serta Dose et al. (2019) yang menekankan kepentingan pemenuhan keperluan psikologi dalam menyokong pengalaman kerja dan kesejahteraan yang lebih positif. Dalam konteks pendidikan khas, tenaga pengajar berhadapan dengan keperluan murid yang pelbagai dan memerlukan penyesuaian dalam pelaksanaan pengajaran. Oleh itu, pengalaman bahawa diri mampu melaksanakan tugas, menyelesaikan masalah dan memberikan sumbangan yang berkesan berpotensi meningkatkan keyakinan serta pengalaman positif terhadap peranan profesional.

Diteruskan dengan perbincangan dapatan ujian analisis perantara H4a, H4b, dan H4c. Dapatan utama kajian ini ialah ketiga-tiga dimensi Kepuasan Keperluan Psikologi, iaitu Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan, didapati berperanan sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi tenaga pengajar OKU di Malaysia. Ketiga-tiga kesan tidak langsung adalah signifikan, manakala kesan langsung Rasa Kepunyaan terhadap Kesejahteraan Psikologi masih signifikan selepas setiap mediator dimasukkan ke dalam model. Keadaan ini menunjukkan bahawa hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi berlaku melalui lebih daripada satu laluan psikologi. Dapatan tersebut menyokong pandangan SDT bahawa pengalaman sosial yang menyokong dapat mewujudkan keadaan yang membolehkan keperluan Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan dipenuhi, yang kemudiannya berkait dengan fungsi psikologi dan kesejahteraan yang lebih baik (Ryan & Deci, 2017).

Secara khusus, dapatan hipotesis H4a, peranan Autonomi sebagai perantara menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan berkait dengan Kesejahteraan Psikologi melalui pengalaman mempunyai pilihan, kebebasan dan kawalan terhadap tindakan. Apabila tenaga pengajar OKU merasakan diri mereka diterima sebagai anggota komuniti kerja, mereka berkemungkinan lebih yakin untuk menyuarakan pandangan, membuat pertimbangan dan melaksanakan tanggungjawab berdasarkan nilai serta pertimbangan profesional. Dapatan ini selari dengan Martela et al. (2023) dan Slemp et al. (2020) yang menunjukkan bahawa pemenuhan Autonomi berkait dengan hasil psikologi yang positif. Walau bagaimanapun, kerana kesan langsung Rasa Kepunyaan kekal signifikan, Autonomi hanya menjelaskan sebahagian daripada hubungan tersebut.

Dapatan hipotesis H4b bagi kecekapan pula menunjukkan kesan tidak langsung yang paling tinggi dalam kalangan ketiga-tiga pemboleh ubah perantara. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi berlaku melalui pengalaman tenaga pengajar terhadap kebolehan dan keberkesanan diri dalam melaksanakan tugas. Penerimaan, pengiktirafan dan sokongan dalam komuniti kerja boleh memperkukuh keyakinan bahawa sumbangan mereka mempunyai nilai dan bahawa mereka mampu melaksanakan

tanggungjawab dengan berkesan. Dapatan ini selari dengan Chen et al. (2015), Van den Broeck et al. (2016) dan Skaalvik dan Skaalvik (2023) yang menekankan kepentingan pengalaman Kecekapan terhadap hasil psikologi dan pengalaman kerja yang positif. Walau bagaimanapun, nilai kesan tidak langsung yang lebih tinggi bagi Kecekapan berbanding Autonomi dan Perkaitan tidak boleh dianggap sebagai bukti bahawa Kecekapan merupakan mediator yang paling kuat secara statistik kerana tiada ujian perbandingan khusus antara kesan tidak langsung dijalankan.

Selain itu juga, dapatan H4c iaitu perkaitan turut didapati sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan dengan Kesejahteraan Psikologi melalui pengalaman mempunyai hubungan interpersonal yang bermakna, diterima dan disokong oleh individu lain (Ryan & Deci, 2017). Dalam konteks tenaga pengajar OKU, hubungan positif dengan rakan sekerja, pihak pengurusan, murid dan ibu bapa dapat menyediakan sokongan sosial yang membantu mereka menghadapi tuntutan pekerjaan. Dapatan ini selari dengan Dose et al. (2019) serta Ryan dan Deci (2017) yang menegaskan kepentingan hubungan sosial dan pemenuhan Perkaitan terhadap fungsi psikologi dan kesejahteraan individu. Walaupun Rasa Kepunyaan dan Perkaitan mempunyai hubungan konseptual yang rapat, kedua-duanya mempunyai fokus yang berbeza. Rasa Kepunyaan merujuk kepada pengalaman menjadi sebahagian daripada sesuatu komuniti, manakala Perkaitan lebih menekankan pengalaman hubungan interpersonal yang bermakna dan keterhubungan dengan orang lain.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan satu pola yang konsisten, iaitu pengalaman Rasa Kepunyaan berkait dengan pemenuhan keperluan psikologi asas, dan pemenuhan tersebut seterusnya berkait dengan Kesejahteraan Psikologi tenaga pengajar OKU. Ketiga-tiga keperluan psikologi memainkan peranan yang saling melengkapi, iaitu Autonomi berkaitan dengan pengalaman mempunyai pilihan dan kawalan terhadap tindakan, Kecekapan dengan pengalaman berupaya dan berkesan dalam melaksanakan tugas, manakala Perkaitan dengan pengalaman diterima, dihargai dan mempunyai hubungan sosial yang bermakna (Ryan & Deci, 2017).

Penemuan bahawa ketiga-tiga dimensi bertindak sebagai perantara separa menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai kaitan dengan Kesejahteraan Psikologi melalui laluan psikologi yang pelbagai, di samping hubungan langsung yang masih wujud. Dari perspektif teori, dapatan ini memperkukuh aplikasi Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory, SDT) dalam memahami Kesejahteraan Psikologi tenaga pengajar OKU. Rasa Kepunyaan sebagai pengalaman sosial dapat menyediakan konteks yang menyokong pemenuhan keperluan psikologi, manakala Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan menjelaskan sebahagian daripada mekanisme psikologi yang menghubungkan pengalaman sosial tersebut dengan Kesejahteraan Psikologi (Ryan & Deci, 2017).

Dari perspektif praktikal, dapatan ini menunjukkan bahawa usaha meningkatkan Kesejahteraan Psikologi tenaga pengajar OKU tidak seharusnya hanya tertumpu kepada penerimaan sosial. Sebaliknya, persekitaran kerja juga perlu menyediakan ruang untuk membuat keputusan, peluang membangunkan keupayaan dan pengalaman hubungan interpersonal yang positif. Pendekatan sedemikian dapat menyokong persekitaran kerja yang lebih inklusif serta memenuhi keperluan psikologi tenaga pengajar OKU di Malaysia.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan merupakan aspek penting yang berkait dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan tenaga pengajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa Rasa Kepunyaan mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan, di samping mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi. Ketiga-tiga dimensi Kepuasan Keperluan Psikologi turut menunjukkan hubungan positif dan signifikan dengan Kesejahteraan Psikologi.

Penemuan utama kajian menunjukkan bahawa Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan berperanan sebagai pemboleh ubah perantara separa dalam hubungan antara Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman diterima, dihargai dan menjadi sebahagian daripada komuniti kerja mempunyai kaitan dengan Kesejahteraan Psikologi bukan sahaja secara langsung, tetapi juga melalui pemenuhan keperluan psikologi asas. Penemuan ini memberikan sokongan empirikal terhadap Teori Penentuan Kendiri dengan menunjukkan bahawa pemenuhan Autonomi, Kecekapan dan Perkaitan merupakan mekanisme penting yang menghubungkan pengalaman sosial dengan kesejahteraan psikologi.

Dalam konteks tenaga pengajar OKU, dapatan ini menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif, menyokong dan memenuhi keperluan psikologi. Usaha untuk meningkatkan Kesejahteraan Psikologi tidak seharusnya hanya memberi tumpuan kepada penerimaan sosial, tetapi turut menyediakan ruang kepada tenaga pengajar untuk membuat keputusan, membangunkan keupayaan serta membina hubungan interpersonal yang bermakna. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang mekanisme psikologi yang menghubungkan Rasa Kepunyaan dengan Kesejahteraan Psikologi, khususnya dalam konteks tenaga pengajar OKU di Malaysia.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini tidak memperoleh kelulusan berasingan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan atau Lembaga Semakan Institusi (IRB). Walau bagaimanapun, kebenaran rasmi untuk menjalankan pengumpulan data telah diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela dan kerahsiaan serta anonimitas responden telah dipelihara sepanjang kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia (USM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atas sokongan, kerjasama dan kebenaran yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan tesis sarjana di Universiti Sains Malaysia.

Kewangan (*Funding*)

Tiada pembiayaan diterima untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Affuso, G., Zannone, A., Esposito, C., Pannone, M., Miranda, M. C., De Angelis, G., ... & Bacchini, D. (2023). The effects of teacher support, parental monitoring, motivation and self-efficacy on academic performance over time: G. Affuso et al. *European Journal of Psychology of Education*, 38(1), 1-23.
- Ahmad, N. F., Ahmad, H., Tarmizi, U. H. A., Sutrisno, E. M., Abd Razak, N. N., Zamri, N. A. S. M., ... & Ngah, A. A. (2024). Tahap pengetahuan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UPSI terhadap program-program untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 94-105.
- Allen, K. A., Gray, D. L., Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (2022). The need to belong: A deep dive into the origins, implications, and future of a foundational construct. *Educational psychology review*, 34(2), 1133-1156.
- Allen, K., Kern, M. L., Vella-Brodrick, D., Hattie, J., & Waters, L. (2018). What schools need to know about fostering school belonging: A meta-analysis. *Educational psychology review*, 30(1), 1-34.
- Alwi, A. S. Q., & Ibrahim, R. (2022). Isu terhadap penggunaan teknologi media digital dalam kalangan guru pelatih jurusan Pendidikan Khas. *Firdaus Journal*, 2(2), 88-93.
- Amran, H. A., Abd Majid, R., & Ali, M. M. (2019). Cabaran guru pendidikan khas pada abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 113-122.
- Anne, N. H., & Rashid, S. M. M. (2024). Understanding and enhancing special education teachers' competencies for inclusive practice: A comprehensive analysis. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 23(6), 189-214.
- Arslan, G., Yildirim, M., & Zangeneh, M. (2022). Coronavirus anxiety and psychological adjustment in college students: Exploring the role of college belongingness and social media addiction. *International journal of mental health and addiction*, 20(3), 1546-1559.
- Asalal, N., Sidek, S., & Abd Wahab, H. (2023). Keperluan golongan profesional terlatih mengendalikan golongan orang kurang upaya di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1), 143-155.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1995). The need to belong: desire for interpersonal attachments as a fundamental human motivation. *Psychological bulletin*, 117(3), 497.
- Baumeister, R. F., Brewer, L. E., Tice, D. M., & Twenge, J. M. (2007). Thwarting the need to belong: Understanding the interpersonal and inner effects of social exclusion. *Social and Personality Psychology Compass*, 1(1), 506-520.
- Benlahcene, A., Kaur, A., & Awang-Hashim, R. (2021). Basic psychological needs satisfaction and student engagement: the importance of novelty satisfaction. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 13(5), 1290-1304.

- Berkman, P. L. (1971a). Life stress and psychological well-being: A replication of Langner's analysis in the midtown Manhattan study. *Journal of Health and Social Behavior*, 35-45.
- Berkman, P. L. (1971b). Measurement of mental health in a general population survey. *American Journal of Epidemiology*, 94(2), 105-112.
- Chen, B., Vansteenkiste, M., Beyers, W., Boone, L., Deci, E. L., Van der Kaap-Deeder, J., ... & Verstuyf, J. (2015). Basic psychological need satisfaction, need frustration, and need strength across four cultures. *Motivation and emotion*, 39(2), 216-236.
- Cho, E., & Jeon, S. (2019). The role of empathy and psychological need satisfaction in pharmacy students' burnout and well-being. *BMC medical education*, 19(1), 43.
- Chow, G. S. U., Ang, L. L., & Phoon, H. S. (2025). Comparing the behavioural management knowledge and skills of Malaysian teachers in integrated special education and inclusive classrooms: A qualitative study. *Support for Learning*, 40(4), 277-292.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Cinar-Tanrıverdi, E., & Karabacak-Çelik, A. (2023). Psychological need satisfaction and academic stress in college students: Mediator role of grit and academic self-efficacy. *European Journal of Psychology of Education*, 38(1), 131-160.
- Datu, J. A. D., & Valdez, J. P. M. (2019). Psychological capital is associated with higher levels of life satisfaction and school belongingness. *School Psychology International*, 40(4), 331-346.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "what" and "why" of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological inquiry*, 11(4), 227-268.
- DeVellis, R. F. (2017). *Scale development: Theory and applications* (4th ed.). SAGE Publications.
- Diener, E., Wirtz, D., Tov, W., Kim-Prieto, C., Choi, D. W., Oishi, S., & Biswas-Diener, R. (2010). New well-being measures: Short scales to assess flourishing and positive and negative feelings. *Social indicators research*, 97(2), 143-156.
- Dose, E., Desrumaux, P., Bernaud, J. L., & Helleman, C. (2019). What makes happy counselors? From self-esteem and leader-member exchange to well-being at work: The mediating role of need satisfaction. *Europe's Journal of Psychology*, 15(4), 823.
- Dzulkipli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam pemangkin modal insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37-45.
- Feldman, R., & Sanger, J. (2007). *The text mining handbook: advanced approaches in analyzing unstructured data*. Cambridge university press.
- Hagerty, B. M., Lynch-Sauer, J., Patusky, K. L., Bouwsema, M., & Collier, P. (1992). Sense of belonging: A vital mental health concept. *Archives of Psychiatric Nursing*, 6(3), 172-177.
- Haim-Litevsky, G., Dekel, R., & Ben-Zur, S. (2023a). The association between well-being, sense of belonging, relatedness to community, and meaningful participation in daily work life among healthy working-age adults in Israel. *Journal of Happiness Studies*, 24(3), 1257-1275.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Babin, B. J., & Black, W. C. (2010). *Multivariate data analysis: A global perspective* (Vol. 7).
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate data analysis* (8th ed.). Cengage Learning.
- Harrison, M. G., Wang, Y., Cheng, A. S., Tam, C. K. Y., Pan, Y. L., & King, R. B. (2025). School climate and teacher wellbeing: The role of basic psychological need satisfaction in student-and school-related domains. *Teaching and teacher education*, 153, 104819.
- Haslam, S. A., Jetten, J., & Cruwys, T. (2021). *The New Psychology of Health: Unlocking the Social Cure* (2nd ed.). Routledge.

- Holzer, J., Lüftenegger, M., Korlat, S., Pelikan, E., Salmela-Aro, K., Spiel, C., & Schober, B. (2021). Higher education in times of COVID-19: University students' basic need satisfaction, self-regulated learning, and well-being. *Aera Open*, 7, 23328584211003164.
- Ibrahim, F. H., Ali, H., & Zumrah, A. R. (2019). Employee sense of belonging and its impact on job satisfaction, loyalty and retention in the manufacturing industry in Malaysia. *International Journal of Supply Chain Management*, 8(6), 1017-1025.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2008). *Pekeliling perkhidmatan bilangan 3 tahun 2008: Pelaksanaan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada orang kurang upaya*. <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2008/03/pp032008.pdf>.
- Kaplan, H. (2022). The unique effects of supporting beginning teachers' psychological needs through learning communities and a teacher-mentor's support: A longitudinal study based on self-determination theory. *Frontiers in Psychology*, 13, 859364.
- Kaur, H. (2023). A study on belongingness, social support and personality among young adults. *International Journal of Interdisciplinary Approaches in Psychology*, 1(2), 93-106.
- Keyes, C. L. (2002). The mental health continuum: From languishing to flourishing in life. *Journal of health and social behavior*, 207-222.
- Khalid, R. M., & Maidin, A. J. (Eds.). (2022). *Good governance and the sustainable development goals in Southeast Asia*. Routledge.
- Khalil, N. D. M., Shaberi, M., Izhar, D. P. N., Rashid, A. M., & Rapini, A. M. (2022). Analisis isu-isu berkaitan hak dan permasalahan orang kurang upaya di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 33-51.
- Kushlev, K., Heintzelman, S. J., Lutes, L. D., Wirtz, D., Kanippayoor, J. M., Leitner, D., & Diener, E. (2020). Does happiness improve health? Evidence from a randomized controlled trial. *Psychological Science*, 31(7), 807-821.
- Lambert, N. M., Stillman, T. F., Hicks, J. A., Kamble, S., Baumeister, R. F., & Fincham, F. D. (2013). To belong is to matter: Sense of belonging enhances meaning in life. *Personality and social psychology bulletin*, 39(11), 1418-1427.
- Liu, Y., & Huang, X. (2021). Effects of basic psychological needs on resilience: A human agency model. *Frontiers in psychology*, 12, 700035.
- Malone, G. (2016). *A general sense of belonging at work as a job resource relates to workplace safety: A test and extension of the job demands resources model related to workplace safety*. [Disertasi kedoktoran, University of Houston].
- Martela, F., Lehmus-Sun, A., Parker, P. D., Pessi, A. B., & Ryan, R. M. (2023). Needs and well-being across Europe: Basic psychological needs are closely connected with well-being, meaning, and symptoms of depression in 27 European countries. *Social Psychological and Personality Science*, 14(5), 501-514.
- Maziriri, F. T., Chuchu, T., & Madinga, N. W. (2019). The influence of organizational support and recognition on psychological well-being among employees in small and medium enterprises (SMEs) in South Africa. *Journal of Leadership and Management*, 8(1), 1-20.
- Mise, H., & Busseri, M. A. (2020). The role of basic psychological needs in well-being and distress: A daily diary study. *Motivation and Emotion*, 44(5), 785-798. <https://doi.org/10.1007/s11031-020-09852-9>
- Mishra, H., & Venkatesan, M. (2023). Psychological well-being of employees, its precedents and outcomes: A literature review and proposed framework. *Management and Labour Studies*, 48(1), 7-41.

- Mohammed, Z., Azhar, N. A., Ludin, N. I. M., Fadzil, N. M., Rahman, M. H. A., & Abd Wahat, N. H. (2021). Pengalaman mencari pekerjaan dan pengalaman bekerja dalam kalangan orang kurang upaya penglihatan di Lembah Klang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 85-101.
- Mokhtar, S. (2018). *Model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks guru pendidikan khas masalah pembelajaran*. [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia].
- Nor, S. M. H., & Rashed, Z. N. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(1), 1-8.
- Ntoumanis, N., Ng, J. Y., Prestwich, A., Quested, E., Hancox, J. E., Thøgersen-Ntoumani, C., ... & Williams, G. C. (2021). A meta-analysis of self-determination theory-informed intervention studies in the health domain: effects on motivation, health behavior, physical, and psychological health. *Health psychology review*, 15(2), 214-244.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Routledge.
- Ramalu, S. S., & Subramaniam, C. (2019). Cultural intelligence and work engagement of expatriate academics: The role of psychological needs satisfaction. *International Journal of Cross Cultural Management*, 19(1), 7-26.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American psychologist*, 55(1), 68.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2017). *Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness*. Guilford Press.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2022). *Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness* (2nd ed.). Guilford Press.
- Ryan, R. M., Bernstein, J. H., & Brown, K. W. (2010). Weekends, work, and well-being: Psychological need satisfactions and day of the week effects on mood, vitality, and physical symptoms. *Journal of social and clinical psychology*, 29(1), 95-122.
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of personality and social psychology*, 57(6), 1069
- Ryff, C. D., & Keyes, C. L. M. (1995). The structure of psychological well-being revisited. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69(4), 719-727.
- Ryff, C. D., & Singer, B. (1998). The contours of positive human health. *Psychological inquiry*, 9(1), 1-28.
- Ryff, C. D., & Singer, B. H. (2013). Know thyself and become what you are: A eudaimonic approach to psychological well-being. In *The exploration of happiness: Present and future perspectives* (pp. 97-116). Dordrecht: Springer Netherlands.
- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2023). Shared goals and values in the teaching profession, job satisfaction and motivation to leave the teaching profession: The mediating role of psychological need satisfaction: EM Skaalvik, S. Skaalvik. *Social Psychology of Education*, 26(5), 1227-1244.
- Slemp, G. R., Field, J. G., Ryan, R. M., Forner, V. W., Van den Broeck, A., & Lewis, K. J. (2024). Interpersonal supports for basic psychological needs and their relations with motivation, well-being, and performance: A meta-analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 127(5), 1012-1037. <https://doi.org/10.1037/pspi0000459>.
- Taat, M. S. (2019). Pendidikan inklusif: efikasi sendiri guru prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.

- Tahir, Z., Thambapillay, S., Yusoff, J. Z. M., & Rahman, A. S. A. (2020). Undang-undang berkenaan orang kurang upaya: Satu analisis perkembangan perundangan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(1), 96-114.
- Tahir, Z., Yusoff, J. Z. M., Thambapillay, S., & Rahman, A. S. A. (2023). Konsep kesamarataan dan hak-hak orang kurang upaya di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 217-238.
- Uslu, F., & Gizir, S. (2017). School belonging of adolescents: The role of teacher–student relationships, peer relationships and family involvement. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 17(1), 63–82.
- Van den Broeck, A., Ferris, D. L., Chang, C. H., & Rosen, C. C. (2016). A review of self-determination theory's basic psychological needs at work. *Journal of management*, 42(5), 1195-1229.
- Vansteenkiste, M., Ryan, R. M., & Soenens, B. (2020). Basic psychological need theory: Advancements, critical themes, and future directions. *Motivation and emotion*, 44(1), 1-31.
- Waller, L. (2021). Fostering a sense of belonging in the workplace: Enhancing well-being and a positive and coherent sense of self. In *The Palgrave handbook of workplace well-being* (pp. 341-367). Cham: Springer International Publishing.
- Wang, X., Han, H., & Chen, J. (2022). The role of sense of belonging in reducing emotional exhaustion and enhancing job satisfaction among healthcare workers. *Journal of Advanced Nursing*, 78(10), 3235–3246.
- Wölk, J., & Kerschreiter, R. (2026). Individual-and Collective-Focused Leadership: A Multi-Method Investigation of Empowering and Identity Leadership, Basic Psychological Need Satisfaction, and Work-Related Outcomes. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 33(3), 253-270.
- Yang, Y., Obrenovic, B., Kamotho, D. W., Godinic, D., & Ostic, D. (2024). Enhancing job performance: The critical roles of well-being, satisfaction, and trust in supervisor. *Behavioral sciences*, 14(8), 688.
- Yao, L. S., & Tahar, M. M. (2023). Kesejahteraan minda guru program pendidikan khas integrasi (PPKI) masalah pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 452-466.
- Zhang, D., He, J., & Fu, D. (2021). How can we improve teacher's work engagement? Based on Chinese experiences. *Frontiers in Psychology*, 12, 721450.
- Zhao, Y., Zhao, K., Chen, I. H., Wang, X., & Wei, S. (2024). Peer support and novice teachers' willingness to participate in teaching reflection in online workshops: The mediating role of perceived competence and sense of belonging. *Current Psychology*, 43(41), 32324–32335. <https://doi.org/10.1007/s12144-024-067721>